

# SAMUDERA



Wadah Transformasi Minda Generasi Baharu the Navy People



## KD LEKIU SERTAI EKS RIMPAC

KOMITMEN TLDM PERKASA DIPLOMASI PERTAHANAN



**SETINGGI - TINGGI TAHNIAH & TERIMA KASIH  
TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA  
ATAS SEGALA PENGORBANAN MELINDUNGI DAN  
MEMPERTAHANKAN PERAIRAN MALAYSIA, NEGARA BERTUAH INI**



**DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS DAN IRINGAN DOA**



**BUDI AXIS SDN BHD** (836389 - H)  
**("Your Reliable Strategic Alliance")**

Suite B1-17, Megan Embassy, 225 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur

Tel: 03-21712525, 03-21712727 | Fax: 03-21661717 | Email : enquiry@budiaxis.com

# KANDUNGAN

## FOKUS 6

Eks RIMPAC di Hawaii, Komitmen TLDM Perkasa Diplomasi Pertahanan

## HUBUNGAN ANTARABANGSA 8

- Kunjungan Kapal TNI-AL dan TLF Ke Sandakan Erat Hubungan 3 Negara
- Equanimity: Perspektif Operasional dan Pengalaman Berharga
- *Sea Power Centre* Australia, PUSMAS TLDM Jalin Kerjasama
- Persahabatan Tentera Laut Diraja Australia-Malaysia Kekal Erat
- *Hydrosea Conference and Exhibition 2018*

## KESIAPSIAGAAN 12

- *First Steel Cutting* LMS
- Ceroboh Perairan Negara - KD PAHANG Tolak Suapan Kapal Asing
- KD SRI JOHOR Siaga Hubungan Terpelihara

## PENULIS TAMU 16

TLDM Sebagai *Instrumen Naval Diplomacy*

## OPERASI DAN EKSESAIS 18

- Ekseksais Perang Tioman Siri 3/18 Uji Tahap Kesiapsiagaan Kapal, Aset dan the Navy People
- Ekseksais KAKADU 2018
- Ekseksais SEA EX THAMAL 64/18
- Kerjasama TLDM-TLF Terus Peningkat Keselamatan ESSZONE
- OSTEX EAST - Uji Kesiagaan Aset Naungan Markas Pemerintahan Armada Timur
- Ekseksais LATMA MALINDO JAYA 25B/18 - Uji Keupayaan Taktikal
- Ekseksais Carilamat dan Anti-Rompakan di Laut Siri 2/2018
- Ekseksais SEACAT 2018 Perkasakan Perkongsian Maklumat antara PUSOP Seluruh Asean



## INFO IT 27

Pengujian Keselamatan Perisian dan Rangkaian Komputer

## TEKNOLOGI 28

Komunikasi Satelit X-Band

KD LEKIU di perairan Pasific sekitar kepulauan Hawaii, Amerika Syarikat, semasa Ekseksais RIMPAC 2018. Gambar ihsan PO 3<sup>rd</sup> Class Alexander Kubitza, U.S. Navy *Mass Communication Specialist*.



## TRADISI TENTERA LAUT 29



## THE NAVY PEOPLE 30

## SEJARAH 32

KD SRI REJANG

## UNSUNG HERO 34

Kami Sedia Walau Tidak Dilihat Dunia

## INISIATIF 36

- Pangkalan Rendah Karbon
- Langkah Mula Ke arah Pusat Penyelidikan Bertaraf Dunia

## PSSTLDM 38

- FOMDEX Cabar Fizikal dan Mental PDL, PtM
- 2 Minggu sebelum bergelar Leftenan Muda
- *Half Military, Half Corporate: Why All Malaysians Should Be Proud To Join The Defence Force Reserves*

## INFO DIDIK 42

- Program MBA untuk *the Navy People*
- Program Motivasi Kecemerlangan Akademik Kategori UPSR Bersama ATM/PERNAMA Tahun 2018
- Pengajian Sarjana Berprestij Luar Negara serta Peluang Mendapat Biasiswa

## PERSONALITI 45

LK I TNL Nur Fatin Obses Jentera Berat

## BERITA 46

- LIMA '19 Dilancar - 600 Syarikat Pertahanan Tempatan dan Antarabangsa Bakal Pamer Aset
- *East Asian International Relations (EAIR) Forum* - Kolaboratif Ulung PUSMAS TLDM dan UKM
- Hari Kebangsaan 2018, TLDM Pamer 14 Aset
- Warga ATM Perlu Matang, Elak Terpengaruh Informasi Tular

## TINTA ROHANI 48

Fitnah Siber

## SUKAN 50

- TLDM Tuai Emas di Kejohanan Sukan Antara Perkhidmatan 2018
- Personaliti Sukan- BK Faizal Komited dalam Kerjaya, Cemerlang di Lapangan

## GALLEY SAMUDERA 53



## SANTAI 54

## CUIT-CUIT 56

## SURAT PEMBACA 58

**B**egitu pantas masa berlalu. Tanpa disedari, tahun 2018 semakin menghampiri penghujungnya. Dalam kesibukan kita menjalankan amanah rakyat dan negara, carilah kesempatan untuk menoleh kebelakang bagi mengimbas kembali apa yang telah berjaya dilaksanakan dengan baik, dan juga yang sebaliknya. Pencapaian yang baik, walau sekecil mana sekalipun, wajar diraikan. Manakala yang kurang baik dibedah dan dijadikan pengajaran untuk terus melangkah ke hadapan. Sesungguhnya waktu tidak pernah menunggu apatah lagi mencemburui kita.

Tahun 2018 menyaksikan TLDM terus menggapai kecemerlangan di dalam pelbagai lapangan. Armada TLDM megah mengharumkan nama negara melalui penyertaan di dalam pelbagai operasi dan eksekusi di peringkat antarabangsa, contohnya penglibatan ulung dalam Eksekusi RIMPAC di Hawaii yang menempa sejarah tersendiri. Operasi keselamatan maritim melalui pendekatan kerjasama dengan negara-negara sahabat telah menampakkan keberkesannya melalui penurunan ketara kadar insiden di kawasan berkenaan.

Kecemerlangan TLDM sebagai angkatan laut yang efektif, berkembang dan mapan tidak mungkin dicapai tanpa sumber manusianya yang profesional sebagai tulang belakang organisasi. Ianya juga tercapai berkat komitmen dan pengorbanan semua peringkat *the navy people* yang sentiasa mahukan yang terbaik untuk angkatan ini. Dengan berbagai perancangan jangka panjang yang telah disusun rapi untuk membangun serta meremajakan semula aset-asetnya, *the navy people* boleh mengimpikan masa hadapan yang gemilang dan sangat mengujakan.

**KEMULIAAN KESETIAAN KEBERANIAN KEBANGGAAN**



*Kept Fadhil bin Abdul Rahman TLDM*

# SAMUDERA

## SIDANG REDAKSI



### PENAUNG/PENASIHAT

Laksamana Madya Datuk Mohd Reza bin Mohd Sany

### KETUA EDITOR

Kept Fadhil bin Abdul Rahman TLDM

### EDITOR

Kdr Mohamed Noorjais bin Abdul Jalil TLDM  
Lt Kdr Zul Helmi bin Datuk Hj Baharom TLDM  
Lt Kdr Nor Melissa binti Yayanto TLDM  
PW I PRL Normahaily binti Mohd Nor  
BM TLR Mohamad Asri bin Md Zlan  
BM TLR Suhairi bin Hj Mohamed Ali

### REKA BENTUK

Lt Dya Ahmad Fauzan bin Rathuan @ Radzuan PSSTLDM  
Mohd Nur Baihaqi bin Jusoh  
Mohamed Iqbal bin Mohd Khairuddin

### ALAMAT

Sidang Redaksi Majalah Samudera  
PUSMAS TLDM  
(RMN Sea Power Centre)  
Jalan Sultan Yahya Petra  
54100 KUALA LUMPUR

Tel: 03 - 2202 7260

Emel: [rmnspc@navy.mil.my](mailto:rmnspc@navy.mil.my)

### PERCETAKAN

MIHAS GRAFIK SDN BHD  
No.9, Jalan SR4/19  
Taman Serdang Raya  
43300 Seri Kembangan  
Selangor Darul Ehsan

Tel: 03 - 8942 9052

Emel: [mihagrafik@yahoo.com](mailto:mihagrafik@yahoo.com)

Majalah Samudera diterbitkan sebanyak tiga kali setahun oleh PUSMAS TLDM dan diedarkan secara PERCUMA. Majalah Samudera mengalu-alukan sumbangan rencana, berita, gambar, cerpen, puisi dan seumpamanya yang berorientasikan 'Wadah Transformasi Minda Generasi Baharu *the Navy People*'.



# LIMA 19


L A N G K A W I

## THE 15TH LANGKAWI INTERNATIONAL MARITIME & AEROSPACE EXHIBITION

The essential platform to showcase the best emerging technologies and equipment. Secure your space now. Don't miss it!

26-30 March 2019  
Langkawi, Malaysia

Defence & Commercial  
Connecting Intelligence  
#LIMA19



Supported by :



Government of Malaysia



Malaysian Armed Forces



Malaysian Army



Royal Malaysian Navy



Royal Malaysian Air Force



Royal Malaysia Police



Malaysian Maritime Enforcement Agency



Malaysia Industry Council for Defence, Enforcement and Security

Official Timekeeper

ORIS  
HÖLSTEIN 1904

Official Media and Show Daily

ASIAN DEFENCE JOURNAL  
ADJ

ASIAN AIRLINES & AEROSPACE

For more information please contact



EN PROJECTS (M) SDN BHD

Suite 2.03, Level 2, Wisma E&C, No 2, Lorong Dungun Kiri, Damansara Heights, 50490 Kuala Lumpur MALAYSIA.

T: +603 2011 7233 | F: +603 2011 7235 | E: sales@limaexhibition.com

Connect with us

fb.com/lima.langkawi | @lima\_exhibition | @LimaExhibition | lima exhibition | www.limaexhibition.com

# KD LEKIU SERTAI EKSRIMPAC

## KOMITMEN TLDM PERKASA DIPLOMASI PERTAHANAN

Oleh: Lt Dya Kanthan a/l Jeyaprakash TLDM  
Foto: Lt Dya Andi Mohd Izzul Zaim Dolar TLDM

**K**D LEKIU melakar sejarah ulung TLDM dan negara apabila menjadi kapal pertama terlibat dalam Ekseksais *Rim of the Pacific* (RIMPAC). Ekseksais yang berlangsung pada 27 Jun hingga 3 Ogos 2018 dilaksanakan di sekitar perairan Kepulauan Hawaii, Amerika Syarikat melibatkan 25 buah negara menjadi saksi kehadiran 46 buah kapal perang dari pelbagai kelas, lima buah kapal selam, 18 angkatan tentera darat, 29 buah pesawat peronda maritim, 200 buah pesawat pejuang dan helikopter serta 25,000 anggota tentera.

Bertemakan '*Capable, Adaptive and Partners*', ekseksais terbesar dunia ini memfokuskan kepada peningkatan tahap pengoperasian bersama dalam semua spektrum operasi ketenteraan khasnya dalam persekitaran maritim. Durasi Eks RIMPAC yang panjang melibatkan dua fasa bermula dengan fasa pelabuhan yang berlangsung dari 27 Jun hingga 9 Julai 2018. Pelbagai susunan aktiviti berilmiah telah dilaksanakan sepanjang fasa pelabuhan antaranya *Regional Security Education Programme* yang membincangkan isu berkaitan keseimbangan kuasa besar dunia dan kesannya terhadap semua negara, *Seminar Multi-National Force Standard Operating Procedures*,

*Information Operations* memfokuskan kepada proses membuat keputusan yang memberi kesan terhadap sesuatu misi. Seminar ini turut meliputi beberapa topik menarik seperti *Information Ops, Ops Security, Psychological Ops, Military Deception, Electronic Warfare (EW)* dan *Computer Network Operation*. Tidak ketinggalan, *Submarine Rescue Seminar, Medical Symposium Seminar* dan *Chaplaincy Symposium* turut dilaksanakan.

Fasa pelabuhan yang padat dengan medan perkongsian ilmu ini turut diseimbangkan dengan aktiviti sukan dan sosial. Sebanyak 16 acara sukan telah dipertandingkan bagi merebut Piala RIMPAC. KD LEKIU berpeluang menyertai tujuh acara sukan iaitu tenis perseorangan, boling, bola sepak, tenis berpasangan, larian 5 kilometer, bola tampar pantai dan pertandingan *strong arm*. Sementara itu, majlis resepsi turut dilaksanakan hampir setiap petang sepanjang fasa pelabuhan.

Buat pertama kali Eks RIMPAC 18 memperkenalkan pertandingan inovasi dan apa yang amat membanggakan, projek *Floating DC Bag* KD LEKIU telah diumumkan sebagai pemenang tempat pertama daripada lapan penyertaan

berdasarkan konsep produk yang praktikal, berkos rendah, mudah digunakan serta berimpak tinggi bagi kegunaan di kapal. Tentera Laut India (TLI) memenangi tempat kedua manakala Tentera Laut Republik Korea Selatan (TLRKS) menduduki tempat ketiga. Kemenangan ini merupakan satu pencapaian yang amat membanggakan di peringkat antarabangsa.

Kemeriahan Eks RIMPAC diserikan dengan Fasa Laut yang dilaksanakan pada 9 hingga 31 Julai 2018 dan ternyata fasa ini benar-benar menguji kesiagaan dan kemampuan kapal di tahap maksimum. Perubahan cuaca yang tidak menentu dengan purata kod laut 4, ketinggian ombak 2.5 sehingga 3.5 meter serta kelajuan angin mencecah sehingga 30 batu nautika sejam menjadikan fasa laut ekseksais ini cukup mencabar.

Bermula dengan *Fasa Force Integrated Training (FIT)*, pelbagai latihan disediakan bagi melatih serta memberikan pendedahan kepada kapal-kapal peserta berkaitan pelaksanaan latihan *Combined Anti Submarine Exercise (CASEX)*, *Surface Exercise (SURFEX)*, *Air Raid Exercise*



Taklimat Pentadbiran oleh Pegawai dan Staff pelabuhan di Wisma Pegawai KD LEKIU



KD LEKIU melaksanakan evolusi pengisian minyak di laut bersama USNS Henry J, Kaiser

(RAIDEX), *Gunnery Exercise* (GUNEX), *Naval Gun Fire Support* (RODEO), *Miscellaneous Exercise* (MISCEX), *Maritime Security Operation Exercis*, (MSOEX), *Theatre Anti Submarine Warfare Exercise* (TASWEX) dan *War At Sea Exercise* (WASEX).

Fasa laut turut diserikan dengan latihan PHOTOEX dan fasa *freeplay*. Kemuncak Eks RIMPAC ini dapat dilihat di fasa *freeplay* yang menggabungkan kapal-kapal dalam Gugus Tugas (GT) masing-masing. KD LEKIU bersama USS STERETT, HMAS TOOWOOMBA dan ROKS DAE JO YOUNG diletakkan di bawah tanggungjawab HMAS ADELAIDE sebagai Ketua Gugus Tugas 176. Kesemua GT ini bertanggungjawab mengiringi dan melindungi kumpulan 176.1 iaitu HMAS ADELAIDE, KRI MAKASSAR dan BRP DAVAO DEL SUR ke lokasi pendaratan yang terletak di Timur Laut Pulau Oahu.

Manakala RSS TENACIOUS, USS LAKE ERIE dan BAP FERRE pula bertindak sebagai Komander GT 174 untuk membantu pasukan sahabat melaksanakan ASW Sanitation di hadapan GT utama. GT turut dibantu aset-aset udara seperti P8 Poseidon dan P3C Orion. Peranan pihak musuh telah dimainkan oleh GT 176.3.2, yang terdiri daripada USS PREBLE, USS DEWEY, HMCS OTTAWA dan HMNZS TE MANA serta disokong oleh aset-aset kapal selam.

Semasa tiba di lokasi pendaratan amfibi, kapal diberikan tanggungjawab untuk melindungi GT daripada ancaman bawah permukaan. GT 176.1 telah melaksanakan pendaratan di dua lokasi berasingan dengan komposisi tim dari pelbagai negara termasuk sebuah platun dari 10 Briged Para Tentera Darat Malaysia.

Fasa penutup Eks RIMPAC dilaksanakan pada 2 Julai 2018 setelah semua kapal selamat merapat di Joint Base Pearl Harbour-Hickam (JBPHH). *Closing Brief* dilaksanakan di sebelah pagi manakala *Closing Reception* yang dilaksanakan di USS CARL VINSON dan dihadiri wakil kesemua peserta RIMPAC 18.

Pengalaman berjauhan dari tanah air selama 99 hari dan belayar sejauh 12,861 batu nautika telah mengeratkan lagi hubungan kru KD LEKIU. Pelbagai aktiviti menarik memenuhi rutin harian kru kapal seperti pertandingan sukan dan sosial antara Wisma dan Jabatan, solat berjemaah, bacaan Yasin dan tahlil pada setiap minggu serta tayangan filem. Krew KD LEKIU juga berpeluang menyambut Hari Raya Aidilfitri dan Aidiladha di perantauan dengan penuh kemeriahan walau berjauhan dari keluarga dan sanak saudara.

Sepanjang pelayaran ini juga, kru KD LEKIU turut diduga dengan pelbagai kesihatan seperti demam viral yang merebak disebabkan pengudaraan tertutup kapal, demam campak dan kes pergigian. Selain itu juga, terdapat

kru KD LEKIU yang menerima khabar gembira jauh di perantauan apabila isteri kepada dua orang pegawai telah selamat melahirkan cahaya mata. Di sebalik kegembiraan, terdapat juga dugaan sepanjang pelayaran apabila bapa kepada seorang anggota telah kembali ke rahmatullah dan beliau tidak berpeluang bertemu bapanya untuk kali terakhir. Pegawai Memerintah KD LEKIU juga turut tidak terlepas dari dugaan apabila menerima perkhabaran isteri beliau dimasukkan ke hospital akibat *hypertension*. Pengorbanan, dugaan dan rintangan yang dilalui oleh beberapa kru KD LEKIU dihadapi dengan tenang dan tabah serta mendapat sokongan moral dari semua krew kapal.

RIMPAC 18 adalah antara usaha Amerika Syarikat mengeratkan hubungan di antara tentera negara di rantau Pasifik. Warga TLDM yang terlibat dalam eksesai ini telah menunjukkan tahap kecekapan dan profesionalisme yang tinggi. Konsep penganjuran eksesai banyak memberi ruang kepada negara-negara peserta berinteraksi. Pelayaran ini berakhir dengan kepulangan KD LEKIU ke Pangkalan TLDM Lumut pada 31 Ogos 2018.



Perbincangan *Table Top* oleh Pegawai Operasi negara peserta

# KUNJUNGAN KAPAL INDONESIA DAN FILIPINA

## KE SANDAKAN ERAT HUBUNGAN 3 NEGARA

Oleh: Lt Muhammad Danial bin Mohamad Rahim TLDM

Foto: LK TLS Nik Amirruddin Nik Par

LK I PAP Muhammad Hazwan Hamimi Hamdan

**M**arkas Wilayah Laut 2 (MAWILLA 2) telah diberi penghormatan menjadi hos bagi 3rd *Trilateral Maritime Patrol (TMP) Port Visit* yang julung kalinya diadakan di negara ini di bawah inisiatif *Trilateral Cooperative Arrangement (TCA)*.

Sebuah kapal dari Tentera Nasional Indonesia - Angkatan Laut (TNI-AL), KRI TERAPANG diketuai Let Kol Laut Yohanes B.C. Hendraswanto dan BRP FELIX APOLINARIO dari Tentera Laut Filipina (TLF) yang dinakhodai Kdr Ronel T. Raciles PN telah merapat di Tambatan Pangkalan Sandakan (TPS) bersempena program tiga hari bermula 4 hingga 6 September 2018.

Ketibaan kedua-dua kapal TNI-AL dan TLF di Pangkalan TLDM Sandakan disambut Panglima Wilayah Laut 2, Laksamana Muda Dato' Ganesh Navaratnam. Turut hadir adalah delegasi dari kedutaan Indonesia dan Filipina yang diwakili oleh Atase Pertahanan masing-masing.

Program 3<sup>rd</sup> *TMP Port Visit* ini merupakan kesinambungan daripada pelancaran *TMP INDOMALPHI* (Indonesia – Malaysia – Filipina) di Tarakan pada 19 Jun 2017 ini merupakan kali ketiga pelaksanaannya di negara-negara ahli TCA. *Port Visit*

yang pertama telah dilaksanakan di Tawi-Tawi, Filipina pada 13 hingga 15 November 2017, manakala yang kedua telah diadakan pada awal tahun ini iaitu dari 4 hingga 6 April 2018 di Tarakan, Indonesia.

Program ini dilaksanakan bagi meningkatkan kerjasama dan interoperabiliti serta memantapkan persefahaman di antara ketiga-tiga buah tentera laut bagi mencegah kegiatan jenayah rentas sempadan khasnya ancaman penculikan di laut dan aktiviti militan.

Pelaksanaan program di Sandakan ini juga melibatkan koordinasi oleh *Maritime Command Centres (MCC)* dari ketiga-tiga negara yang menjadi pusat koordinasi operasi dan perkongsian maklumat perisikan. MCC ditubuhkan untuk mengaktifkan pemantauan, komunikasi dan penyelarasan operasi TMP di antara ketiga-tiga buah negara. MMCC yang kini diketuai Pengarahnya, Kepten Pulendran Paramasivam TLDM di Tawau manakala Indonesia dan Filipina, masing-masing di Tarakan dan Bongao.

Program 3<sup>rd</sup> *TMP Port Visit* menyaksikan pelbagai aktiviti dijalankan bersama kru tiga buah kapal negara sahabat merangkumi ceramah, perbincangan

dan perkongsian maklumat disusuli dengan ekseseis bersama di laut.

Kapal TLDM yang terlibat dalam ekseseis bersama di laut adalah KD TODAK diterajui Lt Kdr Ahmad Zaki Ismail TLDM dan KD SRI PERLIS di bawah Lt Kdr Kamarol Azra Hamzah TLDM. Selain itu, lawatan dan aktiviti kebudayaan juga dilaksanakan bagi memperkenalkan budaya dan lokasi pelancongan di sekitar Sandakan.

Kerjasama dan koordinasi berterusan TLDM bersama tentera laut serantau khasnya Indonesia dan Filipina membuktikan betapa eratnya hubungan yang telah terjalin sekian lama di antara ketiga-tiga negara ASEAN ini. Di samping itu, kerjasama sebegini telah diiktiraf sebagai platform terbaik bagi menyelesaikan isu-isu yang mungkin mengancam kepentingan bersama di kawasan Laut Sulu dan Sulawesi. Inisiatif *Trilateral Cooperative Arrangement (TCA)* menyediakan ruang dan peluang untuk ketiga-tiga negara mengenal pasti aktiviti-aktiviti yang dapat memperkasakan lagi keupayaan dan kapasiti sedia ada dalam memastikan keamanan dan kesejahteraan perairan sentiasa terpelihara.



Panglima Wilayah Laut 2 bersalaman dengan warga KRI TERAPANG



# EQUANIMITY

## PERSPEKTIF OPERASIONAL DAN PENGALAMAN BERTAMBAH

Oleh: PW II JTP(I)(H) Muhamad Aidil Othman

**K**epercayaan tampuk pemerintahan negara yang dipimpin YAB Perdana Menteri sekali lagi membuktikan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) sebuah angkatan laut yang mampan dan kredibel dalam misi-misi yang dipertanggungjawabkan. Terbaharu, TLDM telah berkolaborasi secara langsung dalam memberi bantuan kepada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) sebagai peneraju operasi bagi mengiringi dan membawa balik kapal persiaran mewah EQUANIMITY ke *Boustead Cruise Centre* (BCC), Pelabuhan Klang pada 7 Ogos 2018 lalu.

EQUANIMITY merupakan sebuah kapal persiaran mewah yang telah disabitkan dengan kes penyelewengan yang berlaku dalam negara dan telah ditahan oleh kerajaan Indonesia di Bali. Melalui kerjasama di antara kedua-dua negara, kapal tersebut telah dibawa pulang ke Malaysia. Proses pelayaran dan penyerahan kapal dari Teluk Benoa, Bali, Indonesia ke Malaysia berjalan lancar atas faktor kerjasama keselamatan yang tinggi oleh kedua-dua negara.

Misi ini dilaksanakan dalam tempoh yang amat singkat. TLDM menerusi Bahagian Operasi dan Eksekusi (OPEKS) telah diberi tanggungjawab mengkoordinasikan sepenuhnya aspek bantuan yang diperlukan oleh PDRM. Dengan mandat yang diberikan, TLDM telah berupaya menentukan bantuan yang diberikan adalah yang terbaik. Justeru, pada 30 Julai 2018, satu Tim Detasmen yang dianggotai lima pegawai dan lima anggota lain-lain pangkat telah ditubuhkan dan diatur gerak ke Bali. Tim ditugaskan untuk mengikuti pelayaran bersama kapal persiaran tersebut dari Bali ke BCC sekali gus berpeluang mempelajari selok belok pengoperasian

kapal seandainya TLDM diperlukan membawa kapal tersebut belayar pulang.

Bagi menentukan keberhasilan misi ini, satu siri *table top* yang dipengerusikan oleh Timbalan Panglima Tentera Laut telah dilaksanakan selain mesyuarat koordinasi dan beberapa sesi *brainstorming* bagi mengatasi sebarang kesulitan sebelum operasi diteruskan. Namun, di sebalik pelbagai persiapan rapi yang telah diatur, cabaran dan halangan perlu dihadapi berikutan kerentan birokrasi dan isu-isu keselamatan.

Penyerahan kapal berjaya dilaksanakan di perairan Pulau Putri, Batam dan Tanjung Setapa, Johor pada 6 Ogos 2018. Proses tersebut berjalan lancar walaupun berlaku kesulitan di pihak kru kapal yang bimbang akan status mereka setelah kapal diambil alih oleh kerajaan Malaysia namun kedua-dua pegawai TLDM yang ditempatkan di kapal tersebut memainkan peranan yang sangat efektif dalam membantu mempermudah komunikasi ketika proses penyerahan.

Selesai proses penyerahan, kapal dibawa balik ke BCC oleh pasukan keselamatan Malaysia sepenuhnya. Pelayaran yang mengambil masa kira-kira 18 jam dari Tanjung Setapa diiringi tiga aset Polis Marin (Bot PT 2, PA 9 dan PC 4) dan KD JEBAT yang turut dilengkapi sebuah pesawat Super Lynx serta 1 Tim PASKAL. Selain itu, sembilan anggota Unit Gerakan Marin (UNGERIN) dan Tim Detasmen TLDM turut ditempatkan di kapal.

Pelaporan kedudukan dan status semasa pelayaran EQUANIMITY ke Malaysia secara keseluruhannya dipantau rapi

Armada Barat melalui aplikasi *Seavision*. Koordinasi mantap di antara Markas Armada Barat, Bahagian OPEKS dan Komunikasi Sistem Informasi (KSI) membolehkan maklumat kemas kini pergerakan kapal diperolehi dan perancangan hadapan bagi misi ini dapat dikoordinasikan dengan baik.

Kapal selamat tiba di BCC, Pelabuhan Klang pada tengahari 7 Ogos 2018. Ketibaan kapal disambut pihak media daripada pelbagai saluran selain pasukan keselamatan, wakil peguam 1MDB, wakil Mahkamah Tinggi dan *Sherif of The Admiralty High Court*. Proses sitaan kapal (*ship's arrest*) berlangsung dengan lancar melibatkan wakil Pejabat Peguam Negara, Peguam 1MDB, *Sherif of The Admiralty High Court* dan ejen kapal. Perbincangan aspek keselamatan di antara semua agensi berkaitan dengan pihak kapal berlangsung pada sebelah petang bagi merangka dan memperkemas aspek keselamatan sedia ada.

Susulan perbincangan dari, tim selam dari KD DUYONG telah diarah melaksanakan rutin keselamatan pemeriksaan bawah kapal (*underwater inspection*). Tim dianggotai seorang pegawai dan lima anggota lain-lain pangkat. Aspek keselamatan keseluruhan kapal dipertanggungjawabkan sepenuhnya kepada pihak PDRM.

Misi membawa pulang kapal EQUANIMITY ini merupakan sebuah lagi kejayaan TLDM dalam menjayakan misi dan operasi di peringkat antarabangsa. Kemampuan TLDM berkaitan kes berprofil tinggi seumpama ini menunjukkan keupayaan aset yang sentiasa siap siaga selain kualiti dan tahap profesionalisme warganya yang tinggi. Keupayaan setiap peringkat pengurusan TLDM untuk saling bekerjasama dalam perancangan dan pelaksanaan secara terkoordinasi walaupun ruang waktu yang diberikan amat singkat selain kekangan kewangan semasa yang menyekat pelbagai inisiatif berkesan yang lain, membuktikan TLDM merupakan sebuah organisasi yang profesional dan mampan.

EQUANIMITY di perairan Pelabuhan Klang



# SEA POWER CENTRE AUSTRALIA, PUSMAS TLDM JALIN KERJASAMA

Oleh: Kdr Segar a/I Muniandy TLDM  
Foto: LK TNL Hafezul bin Abd Zani

Pada 15 Ogos 2018, Panglima Tentera Laut Diraja Australia, Laksamana Madya Michael Noonan telah mengadakan kunjungan rasmi ke Pusat Strategi Maritim dan Sejarah TLDM (PUSMAS TLDM).

Kunjungan ini merupakan sebahagian daripada rangka lawatan ulung beliau ke Malaysia selepas mengambil alih tampuk pemerintahan sebagai Panglima Tentera Laut Australia pada 7 Julai 2018. Ketua Pengarah PUSMAS TLDM, Kept Fadhil Abdul Rahman TLDM telah memberi taklimat berkenaan organisasi ini yang merangkumi peranan, hala tuju serta cadangan strategi hubungan dua hala PUSMAS TLDM dan Sea Power Centre-Australia.

Sesi lawatan turut meliputi perjumpaan Laksamana Madya Michael Noonan bersama pegawai-pegawai PUSMAS TLDM dan seterusnya melawat jabatan-jabatan di dalam organisasi ini.

Konsep pengoperasian PUSMAS TLDM mempunyai persamaan ketara dengan Sea Power Centre-Australia dari segi peranan dan tanggungjawab berdasarkan aspek penyelidikan dan penglibatan hal ehwal strategi maritim, doktrin serta pengurusan dan pembangunan sejarah TLDM. Hubungan dua hala yang telah lama terjalin di antara TLDM dan Royal Australian Navy yang sememangnya akrab dikukuhkan lagi melalui penglibatan pegawai TLDM



Laksamana Madya Michael J. Noonan semasa melakukan lawatan ke PUSMAS TLDM.

yang telah berpeluang melawat Sea Power Centre-Australia melalui program *Visiting Navy Fellow*. Pada masa sama, Sea Power Centre-Australia juga telah menzahirkan komitmen untuk saling bekerjasama dalam memupuk persefahaman dan kerjasama yang lebih

mendalam dengan PUSMAS TLDM dalam pelbagai bidang.

Secara keseluruhannya, Laksamana Madya Michael Noonan amat berbangga dan kagum dengan organisasi ini yang baharu diwujudkan pada April 2018. Beliau mengucapkan syabas serta berharap PUSMAS TLDM akan terus mengorak langkah menjayakan misi dan visinya demi kepentingan TLDM khususnya dan ATM amnya.

Lawatan ulung beliau ini jelas menggambarkan hubungan pertahanan Malaysia dan Australia yang erat yang telah bermula sejak sekian lama di mana kedua-dua tentera laut berkongsi sejarah kerjasama ketenteraan dalam bentuk bilateral dan multilateral menerusi *operational cooperation*, eksesais, lawatan, pertukaran profesional serta kursus-kursus kemahiran. Interaksi ini telah menghasilkan manfaat profesional yang ketara dan meningkatkan *interoperability* di antara kedua-dua tentera laut.





## GABUNGAN EAHC DAN HYDROSEA TLDM DAN MALAYSIA MEMPERKUKUH KEUPAYAAN HIDROGRAFI

Oleh: Lt Kdr Melissa Yayanto TLDM  
Foto: Cawangan Komunikasi Strategik

**B**erlangsung di Marina Putrajaya selama empat hari, Pusat Hidrografi Nasional telah menganjurkan Persidangan Ke-13 *East Asia Hydrographic Commission (EAHC)* dan *Hydrography South East Asia (HydroSEA) Conference* bermula 18 hingga 20 September 2018. Penganjuran secara serentak dua persidangan bertaraf antarabangsa ini melibatkan 200 pakar bidang hidrografi dari dalam dan luar negara. Ia juga turut menghimpunkan penyertaan 18 buah *booth* pameran daripada agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi awam dan *Original Equipment Manufacturer (OEM)* berkepentingan.

EAHC yang ditubuhkan di bawah *International Hydrographic Organisation (IHO)* ini mengupas dan mencari resolusi terhadap beberapa isu baharu yang mempunyai kepentingan kepada semua negara ahli dan rantau Asia Timur. Persidangan pada kali ini juga turut menyaksikan upacara penyerahan jawatan Pengerusi EAHC yang sebelum ini disandang oleh Malaysia kepada Jepun serta dibantu oleh Indonesia sebagai Timbalan Pengerusi EAHC bagi penggal 2018 hingga 2021. HydroSEA pula dengan tema 'Challenging the Norm in Hydrography' dilihat mendominasi komuniti melalui pembentangan kertas kerja teknikal hidrografi oleh pakar dari pelbagai bidang.

Persidangan turut diserikan dengan beberapa aktiviti sosial bagi mengeratkan lagi hubungan kerjasama yang sedia terjalin antara negara-negara ahli, negara pemerhati atas wakil suruhanjaya hidrografi. Delegasi berpeluang menaiki *cruise boat* mengelilingi tasik Putrajaya dalam satu majlis makan tengah hari. Tidak ketinggalan, delegasi turut diraikan dalam majlis makan malam sebagai tanda penghargaan dan kerjasama yang diberikan sepanjang Malaysia menjawat jawatan Pengerusi EAHC. Turut memeriahkan acara, Badan Kesenian TLDM mempersembahkan beberapa tarian tradisional negara dan diselang-selikan dengan nyanyian dari pelbagai negara.

Perasmian persidangan disempurnakan oleh Panglima Armada Barat dalam satu majlis meraikan kehadiran delegasi di Marina, Putrajaya. Turut hadir adalah Setiausaha Agong IHO, Dr Mathias Jonas selaku wakil rasmi pertubuhan HIDROGRET I Antarabangsa dan pihak media. Majlis penutup dilaksanakan secara berasingan di Marina Putrajaya.



Panglima Tentera Laut Australia memeriksa Kawalan Kehormatan Utama.

## PERSAHABATAN TLDM-TLDA KEKAL ERAT

Oleh: Lt Kdr Siti Salina binti Johari TLDM  
Foto: LK I PNK Khairul Najmi bin Ab Jabar

**L**awatan Panglima Tentera Laut Diraja Australia, Laksamana Madya Michael Joseph Noonan ke Malaysia pada 15 Ogos lalu dilihat sebagai peluang untuk memperkukuhkan kerjasama serantau dari segi aspek keselamatan maritim serta mengeratkan lagi hubungan persahabatan yang sudah lama wujud di antara kedua-dua negara.

Laksamana Madya Michael Joseph Noonan telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Laksamana Tan Sri Ahmad Kamarulzaman di Markas Tentera Laut, Wisma Pertahanan dalam rangka lawatan ulung beliau sejak mengambil alih tampuk pemerintahan Tentera Laut Diraja Australia pada 7 Julai 2018.

Ketibaan Laksamana Madya Michael Joseph Noonan di sambut dengan tabik hormat oleh Kawalan Kehormatan Utama di Dataran Wisma Pertahanan.

Beliau turut membuat kunjungan hormat ke atas Timbalan Menteri Pertahanan Malaysia, Yang Berhormat Senator Liew Chin Tong. Sempena lawatan ini juga, Laksamana Madya Michael Joseph Noonan berkesempatan mengadakan lawatan ke Pusat Strategi Maritim dan Sejarah (PUSMAS) TLDM dan seterusnya ke Pusat Hidrografi Nasional TLDM di Pulau Indah, Pelabuhan Klang.

Lawatan ini adalah peluang untuk mengukuhkan lagi perhubungan dua hala antara Malaysia dan Australia serta membolehkan kedua-dua angkatan bertukar maklumat dalam isu keselamatan serantau serta meneroka peluang kerjasama baharu terutamanya dalam bidang pertahanan. TLDM dan Tentera Laut Diraja Australia sentiasa berhubung rapat melalui pelbagai aktiviti seperti latihan bersama, seminar dan dua hala serta pertukaran pegawai dan anggota.

Laksamana Madya Michael J. Noonan sewaktu kunjungan hormat ke atas Panglima Tentera Laut



## UPACARA

# FIRST STEEL CUTTING KAPAL LMS PERTAMA DI WUHAN, CHINA

Oleh: Lt Kdr Mohd AIMULLAH bin Kamaruddin TLDM

Upacara *First Steel Cutting* (FSC) ini merupakan simbolik bermulanya fasa pembinaan kapal sejurus selesai fasa reka bentuk. Upacara ini diadakan sebagai meraikan serta panduan tarikh bermulanya kerja-kerja pembinaan setiap kapal.

*Littoral Mission Ship* (LMS) merupakan kapal kelas baharu yang bakal menyertai Armada TLDM di bawah Program Transformasi Armada 15 ke 5. Melalui kontrak perolehan yang telah dimeterai di antara Kerajaan Malaysia dengan Syarikat Pembinaan kapal tempatan iaitu BNSSB pada 23 Mac 2017, TLDM bakal menerima empat buah LMS yang bernilai RM1.17b. Nilai ini meliputi alat ganti serta latihan komprehensif bagi bakal warga kapal. BNSSB dengan kerjasama China Shipbuilding Offshore and International Corporation. Ltd sedang melaksanakan pembinaan dua buah LMS di Wuchang Shipyard, China diikuti dua buah lagi di Malaysia sebagai sebahagian daripada program pemindahan teknologi yang menyumbang kepada peningkatan keupayaan pembinaan kapal perang tempatan. Perolehan ini merupakan aset TLDM yang pertama dibina bersama negara China.

Upacara FSC bagi kapal LMS yang pertama telah dilaksanakan dengan jayanya di Wuchang Shipbuilding Industrial Group (WSIG), Shuangliu, China. Ia disempurnakan oleh Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Ahmad Kamarulzaman Hj Ahmad Badaruddin. Upacara ini turut disaksikan oleh Pengarah Urusan Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd (BNSSB), Tan Sri Ahmad Ramli Hj Mohd Nor, wakil China Shipbuilding Industry Corporation (CSIC) dan China Shipbuilding & Offshore International Co Ltd (CSOC).

Projek pembinaan LMS menunjukkan kemajuan kerja yang memberangsangkan dan mengikut jadual. Fasa reka bentuk LMS secara rasminya telah selesai. Ini merupakan fasa yang kritikal dan fasa seterusnya adalah aktiviti pembinaan kapal

keseluruhannya. Kapal pertama dijangka siap untuk diserahkan kepada TLDM pada 31 Disember 2019 manakala kapal kedua pada 31 Mac 2020 sepertimana yang dirancang. Tempoh pembinaan termasuk pemasangan peralatan dan sistem kapal serta semua aktiviti ujian di pelabuhan dan ujian di laut akan mengambil masa kurang dari 18 bulan. Ini adalah merupakan tempoh paling singkat pernah dilaksanakan dalam sejarah pembinaan kapal perang untuk TLDM. Seramai 21 pegawai, jurutera dan anggota dari TLDM serta BNSSB kini berada di China sepanjang pembinaan bagi mengawasi serta mengurus projek pembinaan sekaligus menjaga kepentingan kerajaan sejajar dengan keperluan kontrak.

Pembinaan kapal LMS ketiga dan keempat di Malaysia akan dilaksanakan serentak pada pertengahan tahun 2019. Pembinaan dua kapal LMS di Malaysia akan menggunakan tenaga kerja

tempatan sepenuhnya dan dipantau oleh beberapa jurutera dari CSOC China.

Program pembinaan kapal LMS ini bakal menjadi pemangkin kepada industri pembinaan kapal negara. Kerjasama dengan negara China selaku peneraju dalam bidang tersebut akan mampu meningkatkan keupayaan negara untuk menjadi pengeluar kapal perang yang kompetitif di rantau ini. Perancangan jangka masa panjang perolehan LMS juga akan meningkatkan peluang pekerjaan serta ekonomi negara melalui penglibatan syarikat-syarikat tempatan. Selain itu, perolehan ini juga akan mengukuhkan hubungan diplomasi ketenteraan antara Malaysia dengan China serta membuka peluang bagi pembangunan industri maritim yang lain.



Pelancaran *First Steel Cutting* oleh Panglima Tentera Laut


# CEROBOH PERAIRAN NEGARA KD PAHANG TOLAK SUAPAN BOT NELAYAN ASING

Oleh: Lt Harez Ezaidin bin Hussain TLDM

**K**D PAHANG telah ditugaskan bagi operasi Khas Bersepadu 1/18 pada 2 hingga 4 Mei 2018 di Laut China Selatan. Operasi ini melibatkan beberapa agensi kerajaan seperti Tentera Laut Diraja Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Jabatan Laut Malaysia, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Jabatan Perikanan.

Sebanyak tujuh buah aset maritim ditugaskan termasuk KD PAHANG. Operasi ini bertujuan bagi mencegah pencerobohan bot nelayan asing dan pelanggaran undang-undang oleh bot nelayan tempatan bagi memastikan keselamatan komuniti maritim tempatan terjamin.

Pada hari kedua operasi, KD PAHANG telah menahan sebuah bot nelayan asing dari Vietnam kira-kira 30 batu nautika dari Pulau Tioman. Hasil pemeriksaan oleh Tim Menggeledah mendapati bot tersebut telah melaksanakan aktiviti perikanan secara haram serta pelbagai kesalahan termasuk melanggar Akta Imigresen 1959/1963 dan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 di perairan negara. Bot tersebut juga tidak mempunyai sebarang lesen dan permit yang diluluskan.



Koordinat lokasi kejadian

Manakala, kru bot tidak mempunyai dokumen pengenalan yang sah. Semasa pemeriksaan dilaksanakan, tekong bot tersebut telah menawarkan wang berjumlah RM 20,000.00 sebagai sogokan supaya dibebaskan. Bagaimanapun, nilai integriti yang tinggi warga KD PAHANG yang diterajui Kdr Mehamad Khairun Zakaria TLDM menggagalkan cubaan suapan itu dan kesemua nelayan di atas bot berkenaan ditahan.

Bot tersebut ditunda ke Jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Kuala Pahang, Pekan untuk diserahkan kepada pihak APMM. Namun semasa ditunda, tekong bot tersebut nekad merosakkan bot mereka dengan cubaan membocorkan bot dan merosakkan janakuasa serta jentera bot. Walau bagaimanapun, taktik yang digunakan nelayan asing bagi melangkahkan KD PAHANG gagal apabila kerosakan berjaya dibaiki oleh warga KD PAHANG.



Kejayaan Op Khas Bersepadu ini membuktikan keberkesanan operasi oleh TLDM dalam memastikan perairan negara sentiasa bebas dari sebarang pelanggaran undang-undang oleh aset negara asing dan seterusnya menentukan keamanan maritim negara terpelihara.



Awak-awak bot yang ditahan

Maklumat daripada Pusat Pengawasan Pesisir Pantai (CSS) Tambisan kepada KD SRI JOHOR yang sedang melaksanakan rondaan di kawasan operasi maritim (KOM) menyatakan satu serangan hendap telah berlaku di Markas Taktikal Polis Marin Pulau Tambisan.

Jeti di pulau tersebut telah dirampas dan tidak selamat untuk dimasuki. *Joint Regional Command Centre* (JRCC) di Markas Angkatan Tugas Bersama 2 (Mk ATB 2) seterusnya telah mengarahkan KD SRI JOHOR melaksanakan pendaratan dan memberi bantuan sewajarnya serta menentukan jeti selamat dimasuki kerana ianya adalah laluan logistik utama di pulau tersebut.

KD SRI JOHOR telah bergerak menuju ke lokasi dan menyiapkan Tim Mendarat bagi memberi bantuan. Taklimat dan perbincangan telah dilaksanakan bagi menentukan objektif tercapai kerana 'kegagalan bukan pilihan'. Selesai taklimat, Tim Mendarat yang diketuai Pegawai Navigasi serta tujuh orang kru telah berlepas ke Pulau Tambisan dengan semangat perwira. Berbekal persiapan yang rapi dan keberanian yang tinggi, Tim Mendarat telah berjaya melaksanakan pendaratan di lokasi yang ditetapkan.

Pendaratan tersebut telah berjaya mencapai objektif dan jeti di Pulau Tambisan telah selamat untuk kegunaan logistik pasukan sahabat di pulau tersebut. Begitulah senario latihan pendaratan KD SRI JOHOR di Pulau Tambisan, Lahad Datu bagi memantapkan keupayaan warga kapal.

Meskipun keadaan laut agak bergelora, namun warga KD SRI JOHOR tetap komited dalam melaksanakan latihan

# KD SRI JOHOR SIAGA HUBUNGAN TERPELIHARA

Oleh: Lt Dya Nik Muhammad Husaini Nik Hazlan TLDM  
Foto: LK II KOM Muhammad Fadhi Hisyam Khoridan



Tim Mendarat KD SRI JOHOR menerangkan penggunaan aplikasi K3M

kerana 'keringat yang mengalir di medan latihan, menebus darah di medan pertempuran'. Selesai latihan mendarat, Tim Mendarat telah melaksanakan Inisiatif Bertukar Maklumat (IBM) bersama Pusat Pengawasan Pesisiran Pantai (CSS) Tambisan dan Markas Taktikal Pasukan Polis Marin bagi memperkukuh jalinan kerjasama serta mendapatkan gambaran yang lebih jelas di kawasan rondaan.

Kesempatan berada di CSS Tambisan digunakan sebaiknya di mana anggota kapal berpeluang melihat sendiri bagaimana stesen ini beroperasi serta mengetahui keupayaan sistem

yang terdapat di sini bagi memantau aktiviti maritim di perairan pantai timur Sabah. Secara amnya, CSS Tambisan ini dilengkapi dengan radar dan kamera berkeupayaan tinggi bagi memantau aktiviti dengan berkesan di kawasan sempadan perairan negara. Tim Mendarat JUGA melaksanakan aktiviti Rakan Maritim (RAKAM 2.0) dan pengenalan Aplikasi Kesedaran Keselamatan Komuniti Maritim (K3M) kepada penduduk Kampung Tambisan.

Walaupun telah berusia 50 tahun, KD SRI JOHOR akan terus berbakti tanpa mengenal erti mengalah kerana 'jiwa muda' sentiasa bersamanya.



Tim Mendarat KD SRI JOHOR melaksanakan latihan mendarat

**3X iPhone X**

**1X Honda  
CBR 250cc**

# Cabutan **EXTRAVAGANZA KT**

**TEMPOH KEMPEN BERMULA (JULAI – DISEMBER 2018)**

## KELULUSAN PEMBIAYAAN

## KRITERIA KELAYAKAN

RM10,000 ke bawah	1 x penyertaan
RM10,001 – RM30,000	2 x penyertaan
RM30,001 – RM50,000	3 x penyertaan
RM50,001 – RM70,000	4 x penyertaan
RM70,001 – RM100,000	5 x penyertaan
RM100,001 ke atas	6 x penyertaan

*\*Tertakluk kepada terma & syarat*

# TLDM

## SEBAGAI INSTRUMEN DIPLOMASI PERTAHANAN

### **Nazery Khalid menganalisis peranan TLDM dan cabaran yang dihadapi sebagai cabang instrumen diplomasi di laut**

**T**anggungjawab yang digalas oleh TLDM sebagai institusi pertahanan utama terhadap keselamatan dan kedaulatan maritim negara adalah sangat besar. Sebagai salah satu cabang ATM dan *war fighting unit*, TLDM merupakan *first line of defence* bagi Malaysia, sebuah negara maritim yang kaya dengan pelbagai kepentingan strategik.

Namun, Malaysia tidak pernah leka dengan potensi ancaman dari tentera asing mahupun sumber-sumber bukan konvensional yang boleh menggugat keselamatan serta kedaulatannya. Sejarah membuktikan, ancaman laut yang gagal ditangani telah mendatangkan musibah kepada kita.

Kedatangan armada Portugis dan Belanda ke Tanah Melayu tidak menerima tentangan yang substantif. Akibatnya, kita dijajah selama ratusan tahun oleh kuasa-kuasa maritim ini. Begitu juga dengan kemasukan Tentera Jepun melalui laluan laut dan menjajah kita dengan zalim sewaktu Perang Dunia Kedua.

Kini, kita menghadapi ancaman baharu dari kuasa tentera laut yang agresif dan juga dari *non-state actors* seperti pendatang haram, pelarian, penyeludup dan nelayan asing yang menggunakan laut sebagai pentas aktiviti mereka.

Ancaman sebegini memerlukan kita menangannya melalui dasar pertahanan yang lebih bijak. Dalam dunia global, kepentingan diplomasi pertahanan atau defence diplomacy semakin menyerlah. Terma ini merujuk kepada penggunaan sumber dan kekuatan pertahanan secara aman sesebuah negara untuk memajukan dasar luarnya dan memelihara kepentingan nasionalnya.

Bagi Malaysia, pertahanan diplomasi diguna pakai sebagai salah satu dari statecraft dasar luar bagi membentuk hubungan dua hala (bilateral) dan pelbagai hala (multilateral) bersama negara-negara tertentu.

Diplomasi pertahanan tidak termasuk operasi ketenteraan tetapi merujuk kepada peranan dan aktiviti cabang ATM dan Atase Pertahanan di kedutaan Malaysia di seluruh dunia. Ini termasuklah pertukaran kakitangan, lawatan kapal/kapal terbang tentera, perbincangan/dialog, mesyuarat dua hala, latihan bersama, *war games* dan juga seminar.

Berlatarbelakangkan persekitaran geostrategik dan geopolitik yang semakin kompleks dan mencabar kepentingan diplomasi, maritim sebagai cabang diplomasi pertahanan kepada negara semakin menyerlah. Lautan

dari dagangan negara dan dunia serta sumber penting ekonomi.

Dalam konteks ini, TLDM menjadi taruhan negara untuk memelihara kepentingan serta kedaulatan maritimnya bukan sahaja sebagai satu unit berperang malah sebagai instrumen utama diplomasi pertahanan.

Ia merupakan sebahagian dari dasar luar Malaysia yang merangkumi aspek soft diplomacy melalui usaha merapatkan hubungan dua hala dan pelbagai hala menerusi jalinan diplomatik, dagangan, pelaburan dan interaksi *people to people* serta hard diplomacy melalui kekuatan ketenteraan dan bukan ketenteraan melalui inisiatif seperti pencarian dan penyelamatan serta bantuan kemanusiaan dan bencana alam.

Cabaran pelbagai dimensi Malaysia mendepani cabaran pelbagai dimensi pada ketika penggunaan laut dan kebergantungan kepada sumbernya meningkat. Antara cabaran utama yang dihadapi oleh Malaysia adalah kebangkitan China sebagai kuasa tentera laut serta sikap agresifnya yang dilihat ramai penganalisis sebagai punca utama ketegangan dan aktiviti *militarization* di perairan wilayah ini.

China merupakan salah sebuah negara yang membuat tuntutan wilayah di Laut China Selatan yang sangat kaya dengan sumber mineral semulajadi seperti minyak dan gas serta hasil marin yang lain. Beberapa tahun kebelakangan, China semakin gah menunjukkan kekuatannya melalui kekerapan menghantar pelbagai aset tentera bagi menjalankan pengawasan terhadap kawasan yang dituntutnya. Aset ini digunakan bagi menyokong pelbagai aktiviti pembinaannya di laut seperti menambah pulau-pulau kecil yang dituntut beberapa pihak termasuk Malaysia serta membangunkan fasiliti ketenteraan dan awam di atasnya.

Aktiviti ini dilihat tidak mengikut lunas diplomasi serta norma hubungan luar yang jelas bertentangan dengan perundangan kelautan antarabangsa. Sikap China di Laut China Selatan dilihat sebagai provokasi untuk meningkatkan 'suhu politik dan strategik'. Beijing tidak berselindung dalam menyatakan ia mempunyai hak kedaulatan ke atas keseluruhan Laut China Selatan tanpa mengambil kira pendirian dan sensitiviti negara lain yang mahukan laut ini sentiasa terbuka untuk laluan kapal-kapal perang dan dagangan.

Negara Tembok Besar ini memekakkan telinga sahaja terhadap desakan negara serantau yang mahukan pertindihan tuntutan serta percanggahan di laut ini diselesaikan melalui *rule of law* seperti yang diperuntukkan oleh konvensyen perundangan lautan atau UNCLOS. Bagaimanapun, Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad telah membuat kenyataan bahawa Malaysia tidak mahu melihat kapal-kapal perang di perairan penting ini dan mengekalkan keamanan serta menyelesaikan tuntutan mengikut prinsip perundangan antarabangsa.





Walaupun Malaysia tidak berhasrat memulakan konflik dengan mana-mana pihak, kita tidak bertolak ansur dalam menegakkan tuntutan dan kedaulatan maritimnya. Tentera Laut berwibawa Untuk memenuhi tuntutan ini, adalah penting bagi TLDM mempunyai aset dan sumber manusia yang berwibawa.

Apatah lagi di kala negara-negara yang menuntut wilayah di Laut China Selatan seperti China umpamanya sedang giat meningkatkan kemampuan tentera lautnya dan bertindak dengan semakin agresif. Di samping itu, campur tangan kuasa asing turut meningkatkan ketegangan dan mencabar kedudukan kita sebagai pemain serantau.

Malaysia akan sentiasa mengamalkan dasar baik dengan semua negara serta mengambil pendirian mempertahankan diri dan bukan ofensive bagi menegakkan kedaulatannya. Adalah menjadi dasar kerajaan untuk memelihara kedaulatan dan kepentingan nasional sebagai paksi dasar luar sebagai sebuah negara merdeka dan berdaulat. Kerajaan juga komited dalam memastikan tentera kita sentiasa berupaya mempertahankan ibu pertiwi dan bersedia menyokong diplomasi pertahanan menggunakan segala medium yang diperlukan.

Tanpa aset yang berkeupayaan, Malaysia tentunya tidak akan berdaya untuk menyokong tuntutannya di laut ini dan menjadi pemain yang relevan di persada percaturan strategik. Di samping dimensi ketenteraan, TLDM juga mempunyai tanggungjawab memelihara keselamatan maritim negara dari ancaman sumber non-conventional.

Ini termasuk pencerobohan oleh pendarang dan nelayan asing, penyeludupan serta ancaman kumpulan pengganas. Harapan juga disandarkan ke bahu TLDM untuk menjalankan dan menyokong tugas keselamatan awam dan konstabulari maritim seperti pencarian dan penyelamatan serta bantuan kemanusiaan dan bencana. Ke arah mengukuhkan diplomasi pertahanan

Bagi meningkatkan kesiapsiagaannya, TLDM di bawah kepimpinan Laksamana Tan Sri Ahmad Kamarulzaman Ahmad Badaruddin telah memperkenalkan Program Transformasi 15to5 yang bertujuan mengurangkan jumlah asetnya dari 15 jenis hanya ke 5 jenis dan dipertingkatkan jumlahnya untuk satu tempoh yang panjang.

Ini digerakkan oleh realiti persekitaran ekonomi yang mencabar dan tuntutan melupuskan aset yang telah dimamah usia yang tidak lagi berupaya beroperasi secara optima serta tinggi kos penyelenggaraannya.

Lima kelas aset yang disasarkan ialah New Generation Patrol Vessels (NGPV), Littoral Combat Ships (LCS), Multi-Role Support Ships (MRSS), Littoral Mission Ships (LMS) dan kapal selam Scorpene. Objektif program 15to5 ialah membina satu armada lean and mean pada kos pembelian dan penyelenggaraan yang berhemah sejajar dengan keadaan

dengan kelas aset yang lebih kecil, TLDM dijangka masih berupaya memenuhi segala tuntutan tugasnya sebagai sebuah unit perang yang disegani serta tentera laut moden yang cekap, tangkas dan berwibawa. Setelah selesai proses *phasing out* aset-aset lama dalam armadanya, TLDM akan menjadi satu formidable force dengan aset moden dan berkuasa tinggi serta boleh memainkan peranannya sebagai instrumen diplomasi pertahanan dengan berkesan.

TLDM juga telah memperkenalkan inisiatif Diplomasi Tentera Laut yang bermatlamat menjadikannya sebagai *preferred working partner* untuk tentera laut lain melalui kerjasama bilateral, trilateral atau multilateral. Sasaran lain inisiatif ini ialah mengukuhkan hubungan TLDM dengan tentera laut lainnya di rantau Asia Tenggara, Asia Pasifik malah di persada global melalui aktiviti seperti port visits dan latihan bersama untuk menyokong diplomasi pertahanan serta meningkatkan tahap keselamatan dan kesiapsiagaannya.

Satu lagi program yang diperkenalkan oleh TLDM bagi menyokong diplomasi pertahanan ialah program *Safe & Secure Seas* merangkumi inisiatif keselamatan maritim yang bertujuan meningkatkan kebolehan TLDM menangani ancaman terhadap kedaulatan negara dan aktiviti jenayah rentas sempadan.

Dengan pelbagai situasi konflik dan pergolakan rantau seperti di wilayah selatan Filipina dan di Myanmar melibatkan kumpulan etnik Rohingya, pergerakan pelarian dan juga kumpulan gerila di perairan serantau semakin meningkat. Program *Safe & Secure Seas* memberikan fokus kepada meletakkan aset-aset yang sesuai di lokasi ancaman keselamatan dari sumber ketenteraan dan bukan konvensional yang disokong oleh kakitangan terlatih serta strategi dan proses terancang.

Tunjang diplomasi pertahanan Dengan kombinasi aset moden yang berkuasa tinggi, sumber manusia yang terlatih serta proses dalaman yang *well defined*, kita yakin TLDM akan terus berupaya memenuhi tanggungjawab berlatarbelakangkan pentas operasi yang semakin kompleks dan situasi keselamatan maritim serantau yang sangat mencabar. Malaysia perlu terus mengambil sikap responsif yang dipacu oleh dasar luar yang bebas, berprinsip, berpandangan jauh dan pragmatik. Dalam hal ini, kerajaan sentiasa menaruh harapan kepada ATM bagi memajukan agenda diplomasi pertahanan.

Ayuh, maju ke hadapan *the Navy People* dan TLDM sebagai organisasi yang bersedia, bersemangat dan berupaya menyokong diplomasi pertahanan dan dasar luar negara!

Panglima Tentera Laut sentiasa menjaga hubungan strategik dengan pemimpin tentera laut asing



# EKSESAIS PERANG TIOMAN

## UJI TAHAP KESIAPSIAGAAN KAPAL, ASET DAN NAVY PEOPLE

Oleh: Cawangan Komunikasi Strategik MAWILLA 1

**E**kseksais Perang Tioman Siri 3/18 telah dilaksanakan selama tiga hari bermula 27 sehingga 29 Jun 2018 melibatkan 10 buah aset permukaan dan dua buah aset helikopter dari Markas Pemerintahan Armada Barat di Lumut dan Markas Wilayah Laut (MAWILLA) 1 di Kuantan.

Ekseksais anjuran MAWILLA 1 ini turut melaksanakan siri latihan serangan udara melibatkan dua buah pesawat SU-30MKM milik Tentera Udara Diraja Malaysia yang berpangkalan di Gong Kedak. Ekseksais julung kali dilaksanakan dengan jumlah penglibatan aset yang besar serta keanggotaan yang ramai dikolaborasi oleh Armada TLDM dari Lumut dan Tanjung Gelang. Hampir 900 anggota termasuk pegawai dan anggota lain-lain pangkat dari TLDM dan TUDM terlibat sepanjang ekseksais ini berlangsung.

Ekseksais yang dilaksanakan secara *Field Training Exercise* (FTX) di perairan Pulau Tioman ini dimulakan dengan Latihan Janggal yang melibatkan simulasi serangan sabotaj dari pihak musuh terhadap aset-aset di pangkalan. Ia diteruskan dengan latihan perang pelbagai dimensi di laut, latihan manuvera taktis serta latihan evolusi kelautan dan Mengawal Kerosakan Melawan Api (MKMA).

Bagi menilai kesiagaan aset dan warga, latihan ini turut disertai oleh Tim Penilai daripada Markas Kesiagaan TLDM dan MAWILLA 1. Penilaian ini bertujuan menguji tahap kompetensi *the Navy People* dalam menghadapi situasi sebenar dan kecemasan semasa perang. Ianya juga sebagai semakan terhadap pematuhan kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) atau arahan terkini yang dikeluarkan oleh TLDM.



Latihan melawan kebakaran

Di samping memperkasakan tahap kesiagaan aset dan warga, Eks Perang Tioman ini juga berjaya mempertingkatkan imej TLDM dan membina keyakinan yang tinggi di kalangan komuniti maritim di perairan Pantai Timur Semenanjung Malaysia dengan kehadiran serta kemampuan aset-aset TLDM yang dipamerkan.

Latihan turut disertai Pegawai-pegawai Pasukan Simpanan Sukarela dan PALAPES Universiti Malaysia Pahang (UMP). Peluang sebegini dimanfaatkan oleh kumpulan sasar ini untuk belajar dan menimba pengalaman belayar bersama kapal-kapal TLDM.

Ekseksais turut dimeriahkan dengan penganjuran Majlis Interaksi bersama penduduk Pulau Tioman. Majlis berkonsepkan jamuan rakyat diadakan di Dataran Tioman dan dihadiri oleh hampir 40 penduduk pulau dan 200 warga TLDM. Majlis interaksi ini memberi peluang kepada TLDM dan penduduk pulau untuk bersuai kenal dan mempereratkan lagi hubungan.

Pada sesi penutup yang diadakan di MAWILLA 1, Pengarah Ekseksais, Kept Muhamad Shakir Salleh TLDM merumuskan bahawa ekseksais ini telah dilaksanakan dengan jayanya dan mencapai setiap objektif yang ditetapkan. Profesionalisme dan komitmen yang dipamerkan oleh warga TLDM membuktikan bahawa TLDM sentiasa siapsiaga mempertahankan kedaulatan perairan negara.



Evolusi pemindahan Jackstay

# OSTEX EAST

## UJI KESIAGAAN ASET NAUNGAN MARKAS PEMERINTAHAN ARMADA TIMUR

Oleh: Komunikasi Strategik Armada Timur  
Foto: LK I TLS Hakimi

### EKSESAIS SEA EX THAMAL DI MARKAS WILAYAH LAUT 1

Oleh: Lt Mohammad Hatta bin Mohamed Banta TLDM  
Foto: Perhubungan Raya MAWILLA 1

Eksesais SEAEX THAMAL 64/18 telah dilaksanakan dari 5 hingga 10 Ogos 2018 melibatkan TLDM, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Pasukan Gerakan Marin (PGM), *Royal Thailand Navy* (RTN) dan *Royal Thailand Marine Police* (RTMP). Eksesais bermula di 2<sup>nd</sup> Naval Area Command Songkhla, Thailand dan berakhir di Markas Wilayah Laut 1, Kuantan.

Antara aset-aset dari Malaysia yang terlibat adalah KD LAKSAMANA TUN ABDUL JAMIL, KD HANDALAN, PA 52 dan KM GEMIA. Manakala aset-aset Thailand yang terlibat adalah HTMS LAEMSING, PGM 94, PGM 112 dan RTMP 808. Upacara pembukaan eksesais telah dilaksanakan di 2<sup>nd</sup> Naval Area Command HQ, Songkhla pada 6 Ogos 2018. Kesemua aset terlibat eksesais telah belayar dari Songkhla pada 7 Ogos 2018. Sepanjang eksesais di laut, kapal-kapal telah melaksanakan beberapa siri latihan seperti *Maneuvering Exercise*, *Flashex*, *Flag Hoist*.

Aset-aset terlibat tiba di Markas Wilayah Laut 1 untuk fasa penutup pada 8 Ogos 2018. Upacara Penutup telah disempurnakan oleh Panglima Wilayah Laut 1, Laksamana Muda Abu Bakar Mohd Ajis disaksikan oleh Deputy Commander of 2<sup>nd</sup> Naval Area Command, Rear Admiral Montri Rodvises di Auditorium Al-Haimi bersama semua pegawai dan anggota kapal terlibat.

RTMP 808 memasuki Pelabuhan Tanjung Gelang, Kuantan



Markas Pemerintahan Armada Timur (MPA Timur) telah membuktikan kesiagaan dan kecekapannya dalam melaksanakan operasi maritim melalui OSTEX EAST 1/18 yang berlangsung selama dua hari bermula dari 18 hingga 19 Julai 2018.

OSTEX EAST 1/18 melibatkan MPA Timur dan aset-aset di bawah naungan serta penglibatan daripada Tentera Udara Diraja Malaysia dalam melaksanakan pelbagai dimensi peperangan maritim. Sebanyak tujuh buah kapal TLDM dan sebuah pesawat Fennec serta pesawat TUDM, Hawk dan EC-725 turut terlibat sebagai aset bantuan bagi siri *Air Defence Exercise* (ADEX) dan *Helicopter Insertion and Extraction* (HIE).

Objektif utama OSTEX EAST 1/18 ialah untuk menilai kesiagaan aset naungan MPA Timur. OSTEX EAST 1/18 lebih memfokuskan kepada latihan dan pendedahan praktikal kepada warga kapal bagi meningkatkan keupayaan dan kecekapan dalam peperangan maritim.



Melaksanakan persiapan bagi evolusi menunda

Kejayaan OSTEX EAST 1/18 dijadikan pencetus idea-idea baharu dalam pelaksanaan siri latihan akan datang. Selain itu, setiap kekurangan yang dikenal pasti akan ditambah baik pada penganjuran eksesais pada masa akan datang bertujuan bagi menaik taraf tahap pelaksanaan untuk sama-sama berbangga dengan setiap kejayaan yang ditempa oleh semua warga *the Navy People*.

Majlis Penutup OSTEX EAST 1/18 disempurnakan oleh Panglima Armada Timur, Laksamana Madya Datuk Abdul Rahman Hj Ayob dan turut dihadiri Pegawai-pegawai Memerinah unit yang terlibat di Auditorium Wisma Pelayaran.

Pesawat Hawk melakukan simulasi serangan udara terhadap kapal TLDM



# EKSESAIS KAKADU 2018

## KD KASTURI SERTA EKSESAIS MARITIM TERBESAR RANTAU ASIA

Oleh: PW I PRL Normahaily binti Mohd Nor  
Foto: KD KASTURI

**K**D KASTURI telah menyertai Ekseksais KAKADU 2018, ekseksais maritim terbesar di rantau Asia yang berlangsung di utara Darwin, Australia bermula 30 Ogos hingga 16 September 2018.

Kapal dalam Skuadron Korvet ke-22 itu dipilih mewakili TLDM berdasarkan prestasi baik yang dipamerkan selain pernah terlibat dalam pelbagai operasi dan ekseksais seperti Perang Pangkor, Perang Tioman, OSTEK 2018, Eks BERSAMA SHIELD 2017 serta pelbagai ekseksais bilateral mahupun multilateral. Sepanjang ekseksais siri ke-14 ini, KD KASTURI mempunyai keanggotaan seramai 18 pegawai dan 138 anggota. Ini merupakan satu pengiktirafan kepada kapal dan anak-anak kapal dalam pembabitan ekseksais di luar negara.

Latihan maritim berprestij yang dilaksanakan secara dwi-tahunan ini membabitkan 27 buah negara, 23 buah kapal, sebuah kapal selam serta 21 pesawat dan berjaya menyatukan

tentera laut dan udara dari rantau Asia Pasifik serta Lautan India. Ekseksais berlangsung dalam tiga fasa meliputi fasa pelabuhan, fasa perang dan fasa penutup.

Latihan pelbagai dimensi peperangan telah dilaksanakan merangkumi peperangan paras permukaan, peperangan anti udara, peperangan bawah permukaan dan peperangan elektronik. Penglibatan KD KASTURI dalam ekseksais berskala besar ini secara tidak langsung membolehkan mereka mengendalikan konflik di laut serta menyelaras usaha bantuan ketika bencana.

Ekseksais yang telah dilaksanakan sejak 24 tahun lalu merupakan inisiatif bagi memperkukuh hubungan diplomasi ketenteraan antarabangsa selain membangunkan kerjasama operasi antara negara serantau. Pada masa sama, ia menyediakan peluang bagi pemantapan latihan keselamatan dan pengawasan maritim secara bersama dan secara tidak langsung dapat

mempertingkatkan keupayaan dan kemahiran taktikal di peringkat.

Pelbagai, cabaran yang dihadapi sedikitpun tidak menggugat moral warga kapal malah mereka menganggapnya satu pengalaman paling berharga apatah lagi berpeluang menyertai ekseksais terbesar dan membawa imej TLDM ke peringkat antarabangsa.



Pegawai Memerintah KD KASTURI menerima cenderahati kenangan dari pihak Tentera Laut Diraja Australia



# KERJASAMA TLDM-TLF TERUS PERTINGKAT KESELAMATAN ESSZONE

Oleh: Lt Dya Sivasutan a/l Thanjappan TLDM

Foto: LK II TMK Mohammad Sharul Amiy bin Mohamad Rosli

**K**apal Tentera Laut Diraja Malaysia, KD SRI TIGA (KD STG) telah melaksanakan pertemuan bersama kapal Tentera Laut Filipina (TLP) BRP FELIX APOLINARIO (PC 395) ketika menjayakan program *Trilateral Maritime Patrol (TMP)* Siri 12/18.

Pertemuan telah dilaksanakan di sekitar garis sempadan maritim di antara kedua-dua buah negara berhampiran Pulau Taganak, Filipina. Kedua-dua buah kapal tersebut sedang melaksanakan rondaan di kawasan perairan negara masing-masing dan telah membuat pertemuan untuk Inisiatif Bertukar Maklumat (IBM).

BRP FELIX APOLINARIO merupakan salah satu daripada 22 buah kapal ronda (Patrol Craft) Kelas José Andrada buatan Amerika Syarikat yang telah diterima oleh TLP pada 10 Oktober tahun 2000.

Pertemuan ini adalah yang kedua antara kapal tersebut bersama kapal TLDM. Pertemuan TMP kali ke-12 pada tahun ini telah dilaksanakan seawal jam 8.55 pagi setelah hubungan komunikasi keduanya berjaya dilakukan melalui

radio. Pertemuan bermula dengan BRP FELIX APOLINARIO yang diperintah oleh Commander Rodel Raciles PN, merapat di sebelah kanan KD STG. Ketibaan BRP FELIX APOLINARIO disambut oleh Pegawai Memerintah KD STG yang diketuai Lt Kdr Kamarulzaman Kamaruddin TLDM.

Pegawai Memerintah BRP FELIX APOLINARIO pernah menjalani latihan Pegawai Kadet selama 3 tahun di Pangkalan TLDM Lumut dan fasih berbahasa Melayu. Beliau tidak asing lagi dengan TLDM khususnya bagi Pegawai Kadet Pengambilan ke-48 Kolej Tentera Laut Diraja (KTLD). Pegawai Memerintah KD STG telah menjemput kru kapal BRP FELIX APOLINARIO ke kapal untuk menjamu selera dengan juadah kuih tradisional Malaysia. Kru kedua-dua kapal saling melaksanakan lawatan ke kapal masing-masing dan turut berkongsi maklumat operasi serta perisikan.

Kapal seterusnya melaksanakan latihan bersama bagi memahirkan warga kapal masing-masing. Antara latihan yang dilaksanakan adalah latihan *Replenishment at Sea Approach*



(RASAP), Kibaran Bendera (Semaphore), *Publication Exercise (PUBEX)* dan Latihan Manuvra Taktis (MANTAK).

*Personnel Exchange Programme (PXP)* turut dilaksanakan pada siri TMP kali ini. PXP melibatkan seramai dua anggota setiap kapal dari bahagian operasi dan teknikal. Pertukaran warga kapal ini memberi pengalaman kepada anggota yang terlibat berkenaan cara kerja dan operasi kedua-dua kapal.

Inisiatif rondaan TMP ini pastinya akan diteruskan kerana telah terbukti memberi manfaat yang baik dan impak yang sangat positif kepada komuniti maritim di Zon Keselamatan Pantai Timur Sabah (ESSZone) ini. Kedua-dua Pegawai Memerintah juga sependapat bahawa inisiatif ini telah berjaya menurunkan kadar jenayah rentas sempadan ke paras hampir sifar.



Pegawai Memerintah KD SRI TIGA bertukar cenderamata dengan Pegawai Memerintah BRP FELIX APOLINARIO



# Eksesais LATMA MALINDO JAYA

## UJI KEUPAYAAN TAKTIKAL

Oleh: PW I PRL Normahaily Mohd Nor  
Foto: Perhubungan Strategik MPAB

**E**ksesais Latihan Bersama (LATMA) MALINDO JAYA 25B/18 antara Tentera Laut Diraja Malaysia dan Tentera Nasional Indonesia Angkatan Laut (TNI-AL) telah berlangsung pada 24 hingga 28 September 2018 bertempat di Pangkalan TLDM Lumut.

Eksesais LATMA MALINDO JAYA merupakan latihan bilateral dwi-tahunan melibatkan aset-aset TLDM dan TNI-AL. Berbeza penganjuran sebelumnya, eksesais yang disertai 50 pegawai dan anggota TLDM dan TNI-AL kali ini dilaksanakan secara Latihan Pos Komando (LATPOSKO) atau *Command Post Exercise* (CPX) dengan tiada penglibatan aset.

Terdahulu, pembukaan eksesais disempurnakan oleh Panglima Armada Barat, Laksamana Madya Dato' Pahlawan Haji Mohamad Adib Abdul Samad di Auditorium Zain PUSTAKMAR. Majlis turut disaksikan Panglima Komando Armada II (PANGKOARMADA II) TNI-AL, Laksamana Muda Didik Setiyono.

Fasa latihan yang bermula pada 25 hingga 27 September 2018 menyaksikan keseluruhan peserta mengambil bahagian dalam latihan secara simulasi yang menguji keupayaan mengendalikan operasi

bersama di peringkat taktikal. Latihan yang memfokuskan aspek perancangan operasi pertahanan atau serangan berpandukan kepada senario latihan yang disediakan. Kedua-dua konsep ini dapat meningkatkan keupayaan operasi bersama dan kesefahaman di antara TLDM dan TNI-AL dalam mengekang apa jua ancaman secara bersama.

Selain itu, taklimat misi, sukan persahabatan, majlis makan malam serta beberapa siri ceramah dan eksesais seperti WAREX turut diadakan di sekitar PUSTAKMAR dan Swiss Garden Teluk Senangin.

Pada penutup eksesais, Laporan Pelaksanaan LATMA MALINDO JAYA 25B/18 telah ditandatangani oleh Pegawai Kanan Armada, Kept Abdullah

Sani Ismail TLDM dan Let kol Laut (P) Lewis Nogot Nainggolan.

Eksesais dilihat sebagai salah satu landasan kerjasama serantau Malaysia - Indonesia khususnya dalam aspek ketenteraan bagi meningkatkan profesionalisme warga angkatan laut masing-masing serta platform bagi menambah baik prosedur sedia ada untuk memenuhi keperluan angkatan tentera laut kedua-dua negara. Kerjasama ini sebahagian dari inisiatif kedua-dua negara dalam mengekalkan hubungan bilateral yang erat dan pada masa sama membuka peluang kepada anggota masing-masing berkongsi pengalaman dan ilmu bagi meningkatkan keupayaan operasi bersama.



Latihan simulasi CPX di Pusat Simulasi Olah Perang, PUSTAKMAR



# Eksesais CARILAMAT DAN ANTI-ROMPAKAN DI LAUT

## BUKTI KEBERKESANAN PROTAP TLDM-MARITIM MALAYSIA

Oleh: PW I PRL Normahaily Mohd Nor

Foto: LK I Maritim Mohd Zulhelmi bin Othman,  
Unit Komunikasi Korporat Maritim Malaysia

**P**elaksanaan Eksesais Carilamat dan Anti-Rompakan di Laut Siri 2/2018 melibatkan TLDM dan Maritim Malaysia pada 1 hingga 5 Oktober 2018 membuktikan fungsi serta keberkesanan Prosedur Tetap (PROTAP) Operasi Bersama yang diguna pakai kedua-dua agensi.

Eksesais bilateral berkonsepkan Latihan Kawalan Pos Pemerintahan atau *Command Post Exercise* (CPX) dan Latihan Medan Sebenar atau *Field Training Exercise* (FTX) melibatkan Pusat Operasi Armada Barat serta Tim Pasukan Khas Laut (PASKAL) dan dua buah kapal TLDM iaitu KD MAHAWANGSA dan KD LAKSAMANA TUN ABDUL JAMIL. Maritim Malaysia diwakili KM GAGAH, KM NYALAU serta tim SAR Mission Coordinator (SMC), Pasukan Tindak Khas (PTK) dan Tim Forensik Maritim.

Seramai 80 pegawai dan anggota, masing-masing 40 peserta dari TLDM dan Maritim Malaysia terlibat dalam eksesais kali ini.

Sepanjang lima hari pelaksanaan, eksesais menekankan *Standard Operating Procedure* (SOP) berkenaan operasi carilamat serta menggedeh sebagai pendedahan dan kefahaman kepada kedua-dua agensi bagi menghadapi situasi sebenar. Lebih menarik, senario menyelamatkan kapal yang dirompak oleh lanun bersenjata melibatkan Pasukan Tindakan Khas dan Penyelamat (STAR TEAM) bersama

PASKAL mempamerkan kredibiliti kedua-dua pasukan elit dalam merancang strategi dan tindakan bagi menumpaskan penjenayah.

Secara keseluruhan, eksesais diyakini mampu meningkatkan hubungan diplomatik dan persefahaman kedua-dua agensi dalam menangani ancaman keselamatan maritim di perairan negara. Malah melalui latihan berkala sebegini, perbezaan fungsi keduanya dapat dikoordinasikan sekali gus memantapkan lagi komunikasi terutama ketika menjalankan operasi penguatkuasaan.



KD JEBAT mengelilingi kapal MT HIGH MERCURY yang menjadi platform latihan bagi memastikan keselamatan Pasukan Geledah sepanjang latihan penggeledahan berlangsung

# Eksesais SEACAT 2018

*Perkasakan Perkongsian Maklumat Antara PUSOP Seluruh ASEAN*

Oleh: Lt Kdr Mohd Shahfizul bin Md Suaimi TLDM

**E**ksesais *Southeast Asia Cooperation and Training (SEACAT)* 2018 yang dianjurkan oleh pihak US Indo-Pacific Command (USINDOPACOM) Tentera Laut Amerika Syarikat bersama pihak *Information Fusion Centre (IFC)*, Singapura telah dilaksanakan bermula 27 Ogos hingga 7 September 2018 di sekitar perairan Selat Melaka, Laut China Selatan dan Laut Sulawesi. Eksesais ini disertai tentera laut negara-negara ASEAN dan juga seorang pegawai tentera laut dari Bangladesh sebagai pemerhati eksesais.

Fasa perkongsian maklumat melalui *Subject Matter Expert Exchange (SMEE)* telah dilaksanakan di Singapura melibatkan aspek *Maritime Domain Awareness (MDA)* dan keselamatan maritim.

KD JEBAT yang mewakili TLDM dalam Fasa Laut terlibat bagi pelaksanaan siri



Dalam simulasi latihan, 3 warga US Coast Guard menjadi suspek penjenayah antarabangsa yang dikehendaki



Pegawai Geledah KD JEBAT bertemu US Coast Guard Safety Officer sebelum memulakan latihan

latihan menggeledah. Senario yang diguna pakai adalah *Counter Arms Smuggling*. Pasukan Menggeledah kapal telah melaksanakan latihan tersebut dengan jayanya. Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) turut terlibat dengan menghantar kapal KM BAGAN DATUK manakala Pasukan Polis Marin telah menghantar PT 2 bagi menjayakan siri latihan tersebut.

Eksesais kali ini memfokuskan kepada aspek perkongsian maklumat antara Pusat Operasi (PUSOP) di seluruh ASEAN dengan menggunakan medium Seavision dan IFC Portal. Pihak IFC di Singapura bertindak sebagai pengantara utama selain berpeluang mengoptimumkan penugasan *International Liaison Officer (ILO)* sedia ada. Secara tidak langsung, eksesais berupaya mencapai objektif utama iaitu untuk memperkasakan perkongsian maklumat khususnya dalam konteks keselamatan maritim di rantau ini.





# EKSESAIS AMAN YOUYI 2018

Oleh: Kdr Segar a/l Muniandy TLDM

**E**kseksais AMAN YOUYI merupakan Eks Gabungan Bersama tahunan antara Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Angkatan Tentera China-People Liberation Army (PLA) sejak tahun 2014.

Ekseksais bilateral ini kemudiannya dinaik taraf ke peringkat multilateral apabila Angkatan Tentera Diraja Thai-Royal Thai Armed Forces (RTARF) buat pertama kalinya menyertai ekseksais dwi-tahunan ini sebagai negara peserta.

Ekseksais AMAN YOUYI 2018 yang diadakan mulai 20 hingga 29 Oktober 2018 melakar satu lagi sejarah bagi ATM dengan penglibatan lebih 1,339 anggota dan pegawai secara keseluruhannya di mana ATM menghantar 585 anggota termasuk dua buah kapal TLDM (KD LEKIU dan KD KASTURI) dan helikopter Super Lynx, RTARF menghantar 54 anggota manakala PLA melibatkan seramai 693 anggota termasuk dua buah kapal PLA-Navy iaitu Destroyer-CNS Wuhan dan sebuah Frigate CNS Yun Cheng, masing-masing membawa sebuah helikopter Z9.

Objektif penganjuran ekseksais ini bagi meningkatkan keupayaan operasi bersama (interoperability) dan kefahaman prosedur operasi *Standard Operating Procedure (SOP)* gabungan ketenteraan antara tiga buah negara selain mempertingkatkan perkongsian pengalaman dan pengetahuan antara para peserta dalam *Peace Keeping Operation (PKO)* dan *Peace Enforcement Operation (PEO)*.

Ekseksais telah dilaksanakan di sekitar Port Dickson, Negeri Sembilan melibatkan latihan *Staff Exercise (STAFFEX)* dengan memaparkan PKO dan PEO sebagai tema utama ekseksais. Seterusnya Latihan *Cross/Lane Training* seperti pengesanan kombat, sniper dan senjata kecil, seni bela diri, ikhtiar hidup dan pertempuran jarak dekat. ATM yang amat terkenal



Perbincangan *Table Top* di antara peserta dari kedua-dua negara

dengan kepakaran dalam peperangan di hutan berkongsi ilmu dengan peserta Thailand dan China, manakala RTARF pula berkongsi ilmu dalam teknik, prosedur, kaedah pengiring rapat VIP dan demonstrasi menyelamat tebusan. Bagi segmen maritim, *Maritime Exercise (MAREX)* telah dilaksanakan di sekitar perairan Pelabuhan Klang dan Selat Melaka di antara PLA-Navy dan Tentera Laut Diraja Malaysia. Latihan yang berjaya dilaksanakan adalah *Personnel Exchange*, *Deck Landing Training*, *Photo Exercise* dan seterusnya *Farewell Pass*. Selain itu aktiviti sukan dan acara kebudayaan turut diadakan sebagai acara sampingan bagi mengeratkan hubungan antara peserta.

Melalui ekseksais ini ATM, PLA dan RTARF telah meningkatkan pertukaran maklumat dan menguji tahap kerjasama di samping berkongsi kepakaran dan pengalaman dalam melaksanakan operasi pengaman dan penguatkuasaan. Secara keseluruhannya ekseksais berjaya melatih ketumbukan ketenteraan negara yang terlibat di samping memperkukuhkan kerjasama, saling khidmat dan kesepakatan dalam menangani isu keselamatan serantau.





# GENTING ETIKA

Our Commitment Is Your Assurance

Genting Etika Sdn Bhd 562032-T

## Our Service

- Electronic Engineering Support Services
- Installation & Commissioning of Electronic Equipment & Systems
- Supply of Ships spare part & Equipment

## Our Mission

- ◆ To Supply Quality Engineering Equipment To The Customer
- ◆ To Provide And Perform Engineering Service That Satisfy The Customers Needs
- ◆ To Develop Human Resources And Facilities That Will Enhance The Company's Capabilities

## Our Vision

To become a Capable and Competitive Company in the field of Engineering Services and Equipment Provider for the Maritime Sector.



### OUR PRODUCT

**ASELSAN GUN: 30MM STABILIZED NAVAL GUN SYSTEMS (SMASH)**

**LINK-Y SYSTEMS**

### RESM, SONAR, TETRAPOL

**THALES RESM: VIGILE 100S MKII, ESM DR3000**

**SONAR: IBIS V, SPHERION**

**TETRAPOL: LAND-BASED COMMUNICATION**

#### HEAD OFFICE

2A - 20 - 1, Block 2A, Plaza Sentral,  
Jalan Stresen Sentral, Kuala Lumpur Sentral,  
50470, Kuala Lumpur, Malaysia.  
Tel: +603 2260 3333  
Fax: +603 2260 6868

#### BRANCH & SERVICE CENTER

Lot 11269, Jalan Ipoh Lumut, Off Venice Of Perak,  
32200 Lumut, Perak Darul Ridzuan, Malaysia.  
Tel: +05688 3489 / 3992  
Fax: +05688 3992  
Email: admin@genting-etika.com

# PENGUJIAN KESELAMATAN PERISIAN DAN RANGKAIAN KOMPUTER

Oleh: Lt M Ainul Hazmin bin A Hamid PSSTLDM

**R**angkaian komputer dan data adalah nadi kepada angkatan tentera di seluruh dunia. Ini kerana kita melihat dari sudut kualiti maklumat dan kepantasan respon kepada maklumat yang diperolehi sebelum sesuatu keputusan dibuat. TLDM merupakan salah satu cabang perkhidmatan ketenteraan yang unik dan strategik negara dalam mengawasi keselamatan dan kedaulatan perairan Malaysia.

Bagi menjawab persoalan kesiapsiagaan rangkaian komputer dan data, teknik dan kemahiran Pengujian Keselamatan (Security Testing) adalah diperlukan. Pengujian Keselamatan adalah teknik ujian untuk memastikan sama ada sistem maklumat melindungi data dan beroperasi seperti mana yang dikehendaki. Kepentingan Ujian Keselamatan ini merangkumi enam faktor untuk menyediakan ruang persekitaran yang selamat bagi sistem:

**KERAHSIAAN:** Melindungi maklumat daripada pihak yang tidak sepatutnya.

**INTEGRITI:** Penghantaran maklumat yang benar serta tepat.

**KEASLIAN:** Keupayaan pengesahan identiti sebenar pengguna.

**PENGESAHAN:** Secara khusus memberi hak capaian kepada pengguna dan sumber-sumber maklumat.

**KEWUJUDAN:** Memastikan persediaan bagi maklumat yang dikehendaki.

**TIADA HALANGAN:** Memastikan tiada penafian atau penolakan daripada penghantar atau penerima.

Pengujian Keselamatan dianggap satu konsep serangan terkawal (controlled attack) terhadap mana-mana sistem komputer yang ingin diuji, yang boleh meneroka kelemahan komponen keselamatan sistem dalam cara paling realistik bagi menilai status terkini keadaan sistem teknologi maklumat sedia ada. Konsep ini lebih dikenali sebagai ujian penembusan/pencerobohan sistem 'penetration test' atau lebih popular dikenali sebagai 'ethical hacking'.

Ujian Penembusan/pencerobohan sistem ini dilakukan secara berfasa. Untuk melakukan ujian ini, dokumentasi teknikal yang lengkap serta teratur perlu dibuat di setiap fasa supaya simulasi serangan kepada sistem dapat dilakukan dengan betul dan terkawal. Laporan teknikal yang merekodkan hasil aktiviti serangan sistem akan menjadi rujukan para pelanggan yang terlibat pada akhir ujian. Ujian penembusan/pencerobohan sistem ini melibatkan 4 fasa:

## PENGUMPULAN DATA 'FOOTPRINTING':

Proses pengumpulan data berkenaan persekitaran rangkaian komputer yang khusus untuk mencari jalan mencerooboh ke dalam sistem.

## ANALISIS 'SCANNING':

Penggunaan rangkaian komputer untuk mengumpul maklumat berkenaan sistem-sistem komputer.

## PENEMUAN 'ENUMERATION':

Carian maklumat berkenaan 'usernames' kumpulan-kumpulan sistem dan perkhidmatan-perkhidmatan dalam rangkaian.

## EKSPLOITASI 'EXPLOITATION':

Keupayaan risikan dan operasi menggunakan kemudahan rangkaian komputer untuk mengumpul data daripada komputer/sistem sasaran. Empat langkah ujian ini dilakukan berulang kali bersama dengan proses Kitaran Proses Pembangunan Perisian ('Software Development Life Cycle').

Ujian Keselamatan Sistem ini penting kerana TLDM terlibat dalam urusan strategik pengurusan keselamatan maritim dan sempadan laut negara. Beberapa isu pencerobohan data dalam segmen maritim antarabangsa yang pernah berlaku boleh dijadikan rujukan seperti yang tertera.

## SERANGAN TERHADAP ASET MAKLUMAT DAN PERNIAGAAN.

**2012:** Beberapa syarikat yang menjalankan perniagaan dan perkhidmatan keselamatan maritim

menjadi sasaran penggadam pihak lanun-lanun Somalia yang mensasarkan perkhidmatan laman web dan kecurian maklumat.

**2012:** Laporan tentang kecurian dan kehilangan data operasi Pihak Pelabuhan Dagang Iran.

**2013:** Pencerobohan Sistem Maklumat Pelabuhan Antwerp, Belgium mengakibatkan kecurian maklumat serta gangguan pada sistem agihan kontena ke kapal-kapal.

## SERANGAN TERHADAP SISTEM NAVIGASI KAPAL DAN GPS (GLOBAL POSITIONING SYSTEM)

**2013:** sebuah syarikat carigali minyak milik Amerika Syarikat yang beroperasi di Teluk Mexico mengalami gangguan serangan *malware* yang datang daripada jaringan hubungan komunikasi bersama sistem navigasi.

**2016:** Gangguan terhadap sistem GPS di sekitar kawasan Incheon di Korea Selatan. Serangan disyaki datang daripada pihak Korea Utara yang memberi kesan terhadap kapal terbang, kapal dagang dan 'buoys' di laut.

## SERANGAN-SERANGAN LAIN

**2015:** *Phishing attacks* yang mensasarkan maklumat sensitif dan bernilai sektor industri maritim dan perkapalan di Jepun dan Korea Selatan.

**2015:** Serangan *malware* terhadap sistem kawalan gerudi pelantar minyak yang sedang dibina di Korea Selatan sehingga kompleks pelantar minyak terpaksa ditutup beberapa hari untuk tujuan pembaikan.



# SERANGAN SIBER

## WANNACRY RANSOMWARE

### Mencegah Serangan Siber



Memastikan aset anda dilindungi. Mempunyai peralatan yang betul adalah sangat penting untuk mengawal daripada serangan dan pencerobohan



Ketua Pegawai Maklumat (CIO) dan Ketua Jabatan IT memainkan peranan penting dalam melindungi organisasi mereka terhadap serangan siber



Memastikan bahawa kakitangan anda dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk menangani serangan siber



Sebuah syarikat perlu merancang perlindungan keselamatan siber yang baik melibatkan:



Syarikat mesti mengambil pandangan yang serius terhadap serangan siber dan tidak boleh berkompromi apabila mereka memutuskan untuk mendapatkan CIO atau pakar keselamatan IT yang berpengetahuan



Syarikat Malaysia tidak boleh mengambil sikap 'tunggu dan lihat'

- ▶ Penilaian risiko perniagaan yang sewajarnya
- ▶ Penggunaan dasar dan prosedur keselamatan IT yang bersesuaian
- ▶ Menggerakkan teknologi keselamatan yang tepat
- ▶ Mematuhi garis panduan
- ▶ Sentiasa memantau keadaan semasa
- ▶ Mendidik pekerja, memberikan peringatan dan cepat bertindak balas terhadap insiden keselamatan
- ▶ Menjalankan siasatan forensik dan punca sebenar kejadian

Satelit Measat-3b yang telah dilancarkan pada 12 September 2014 di French Guyana membuka satu dimensi baru Rangkaian Komunikasi ATM. Satelit Measat-3b berada pada jarak 36,000km menyediakan liputan di seluruh Benua Asia hingga ke sebahagian besar Australia.


# KOMUNIKASI SATELIT X-BAND

Oleh: Lt Mohamad Shazrul Izwan bin Mihad TLDM  
 Infografik: Malaysia Military Power

Perolehan Terminal Komunikasi Satelit X-Band turut memperkasakan keberkesanan Sistem Perintah dan Kawalan serta dapat mendominasi semua aspek proses penyaluran, pengumpulan, pencapaian, penggunaan serta pengurusan maklumat. Terminal Satelit X-Band terbahagi kepada dua bahagian utama iaitu bahagian ruang angkasa (space segment) iaitu Satelit Measat-3b sendiri dan bahagian daratan (ground segment) merangkumi terminal tetap dan terminal mudah alih. Pusat Komunikasi Satelit yang terletak di Kem Paya Jaras, Sungai Buloh merupakan pusat kawalan operasi bagi keseluruhan terminal satelit ATM.

Terminal Satelit X-Band ditempatkan di beberapa lokasi strategik telah merubah corak penyampaian serta perkongsian maklumat. Kini pengantaran maklumat dapat dilaksanakan samada menggunakan suara, data, dan video serta mempunyai liputan yang meluas. Rangkaian ini juga dapat diintegrasikan dengan Sistem P4, NCO, internet, AMSS dan navy.mil.my.


Kapal-kapal besar TLDM kini dilengkapi dengan Naval Terminal berupaya berkomunikasi dengan markas-markas



pemerintahan sepanjang pengoperasian di dalam mahupun tugas di luar negara. Selain itu, Terminal *Communication on The Move* (COTM) dan *Communication on The Pause* (COTP) yang diperolehi oleh Markas Pemerintahan Armada Barat dan Timur dapat meningkatkan serta meluaskan rangkaian komunikasi di pangkalan

dan unit serta kawasan yang tidak mempunyai kemudahan kerana terminal mudah alih sedia untuk diatur gerakan oleh Tim X-Band Markas yang telah ditubuhkan. Perolehan terminal ini akan diperkembangkan ke markas dan unit TLDM secara berperingkat sehingga tahun 2021.

## Infografik Keupayaan Komunikasi Satelit X-Band



# TRADISI TENTERA LAUT

Oleh: Lt Kdr Abdul Razak bin Abdul Rahman TLDM

**K**apal merupakan aset terpenting bagi sesebuah angkatan laut dan ia merupakan asas kewujudan sesebuah tentera laut “Navy exist because of the fleet”. Justeru, terdapat beberapa momen penting sepanjang hayat sesebuah kapal yang berkhidmat untuk tentera laut. Siri Tradisi Tentera Laut kali ini ingin berkongsi istiadat-istiadat yang penuh bermakna dan bersejarah ini.



## Upacara Peletakan Lunas Kapal

Upacara ini merupakan saat kelahiran sesebuah kapal yang menandakan bermulanya pembinaan sebuah kapal. Pada dulunya, lunas kapal merupakan bahagian pertama dan merupakan tulang belakang bagi sesebuah kapal, dengan pemodenan industri pembinaan kapal, bahagian-bahagian kapal dibina serentak secara modular. Namun upacara ini tetap dilaksanakan dengan menandakan saat bahagian-bahagian ini disambungkan.



## Istiadat Pentauliah

Setelah kapal menjalani fasa ujian di laut dan di pelabuhan sekali gus dinilai layak untuk melaksanakan tugas di dalam tentera laut, satu lagi istiadat penting dilaksanakan bagi menandakan bermulanya perkhidmatan kapal di bawah panji Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong. Dalam istiadat ini, Panglima Tentera Laut membacakan Perintah Pentauliah dan seterusnya warga pertama kapal memulakan tugas secara rasmi. Bermula daripada ketika ini, Kapal Diraja digunakan di awalan nama kapal.




## Istiadat Pelancaran dan Penamaan

Pada peringkat ini, tahap pembinaan kapal berada di peringkat akhir dengan badan kapal telah bersedia untuk diturunkan ke dalam air buat pertama kalinya. Unikunya istiadat ini, ia hendaklah disempurnakan oleh seorang wanita yang akan seterusnya menjadi penaung (sponsor) kapal tersebut. Tradisinya, sebotol wain akan dipecahkan pada bahagian haluan kapal, namun sesuai dengan adat tempatan ia ditukar kepada labu sayung. Kapal tersebut dinamakan tapi ia masih tidak menggunakan awalan Kapal Diraja.



## Istiadat Pelucutan Tauliah Kapal Diraja

Istiadat pelucutan tauliah merupakan satu istiadat memberi penghormatan terakhir kepada sesebuah kapal yang akan ditamatkan perkhidmatannya. Ia dilaksanakan mengikut adat istiadat tradisi tentera laut. Malam sebelum istiadat hari yang penuh bermakna tersebut, Gada-gada (Pennant Tauliah) Lucut Tauliah akan dinaikkan. Unikunya, panjang gada-gada tersebut melambangkan tempoh perkhidmatan kapal yang akan dilucutkan tauliah diukur menggunakan formula berikut; Panjang kapal tambah  $\frac{1}{12}$  panjang kapal untuk setiap 2 tahun perkhidmatan kapal tersebut. Seterusnya gada-gada ini akan diturunkan semasa istiadat pelucutan tauliah dilaksanakan.



# THE PEO





# NAVY PEOPLE



# SEJARAH KD SRI REJANG

Oleh: Kdr Azeman bin Yusoff TLDM  
Foto: Arkib PUSMAS TLDM

**K**D SRI REJANG ditauliahkan secara rasminya pada 28 Mac 1978 oleh Menteri Pertahanan Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud. KD SRI REJANG (KDSR) beroperasi sebagai sebahagian daripada *Rejang Security Command (RASCOM)* dalam *3<sup>rd</sup> Division Area Security Command (3<sup>rd</sup> DASC)* yang beribu pejabat di Sibul. Untuk keperluan operasi, KDSR berada di bawah RASCOM. Sementara untuk pentadbiran dan *Command and Control* pula berada di bawah Panglima Wilayah Laut 2.

Pangkalan ini bermula pada tahun 1964 sebagai Pejabat Tentera Laut Tempatan Sementara yang bertempat di Simpang Tiga iaitu di antara Kampung Hilir dan Kampung Nangka. Pangkalan ini dianggotai oleh seorang pegawai dan 50 anggota lain-lain pangkat sebelum dinaik taraf sebagai sebuah pangkalan pada tahun 1976.

KDSR ini terletak di Sungai Antu, Kem Sri Rejang. Kawasan operasi KDSR meliputi Sibul, Kanowit, Song, Durin, Sarikei dan Bintang (Bintangor). Tujuan penubuhan pangkalan ini adalah untuk membantu Angkatan Tentera Malaysia (ATM) terutamanya Tentera Darat dalam menentang pencerobohan pasukan sukarela perang dan gerila Indonesia yang menyusup masuk ke Sarawak setelah konfrontasi ketenteraan dilancarkan oleh Presiden Sukarno pada awal tahun 1963. Konfrontasi antara Malaysia dengan Indonesia berakhir pada tahun 1967.




KD HANG TUAH berlabuh di jeti KD SRI REJANG pada tahun 1983

Selepas berakhirnya konfrontasi, peranan utama pangkalan ini beralih kepada membantu pasukan ATM khususnya Tentera Darat dan Pasukan Gerakan Am Polis Diraja Malaysia. Dalam hal ini, pangkalan berperanan dalam membendung penganas komunis Parti Rakyat Kalimantan Utara (PARAKU) di Sarawak pada era *Sarawak Communist Insurgency (1962 – 1990)*.

KDSR membantu dalam menyediakan pengangkutan air untuk pergerakan anggota ke kawasan operasi di kawasan pendalaman, mengangkut

keperluan logistik dan membuat rondaan keselamatan di sungai-sungai dalam Lembah Rejang. Era *Sarawak Communist Insurgency* berakhir setelah termeterainya perjanjian perdamaian pada 17 Okt 1990 di antara PARAKU dengan kerajaan Malaysia. Seterusnya setelah berakhirnya insurgency di Sarawak, Pangkalan KDSR telah ditutup pada 3 Nov 1991 dan ini diikuti pula oleh pembubaran *Rejang Security Command (RESCOM)* pada 6 Apr 1995.



Perbarisan pegawai dan anggota KD SRI REJANG



Upacara menaikkan panji-panji di unit KD SRI REJANG

## PELAKA KD SRI REJANG

1. **Mahkota.** Melambangkan Kerajaan mengamalkan sistem Raja Berpelembagaan dalam pemerintahan demokrasi.
2. **Allah dan Muhammad.** Melambangkan agama Islam sebagai agama rasmi negara.
3. **Lingkar Tali Berbentuk Bulatan.** Melambangkan semangat perpaduan dan kelautan.
4. **Parang Ilang.** Parang Sarawak (senjata warisan pahlawan Iban) sebagai simbol melambangkan semangat juang untuk bertempur.
5. **Terabai Merah Hitam.** Perisai pahlawan Iban sebagai lambang kepahlawanan yang diterapkan ke dalam jatidiri warga KD SR REJANG.
6. **Warna Kuning.** Melambangkan kedaulatan Raja-Raja Melayu yang terdapat di negara Malaysia.
7. **Jalur Biru Putih.** Ombak laut yang sentiasa mencabar.
8. **Bunga Raya.** Melambangkan bunga kebangsaan negara Malaysia.



## Senarai Pegawai Memerintah KD SRI REJANG


Lt Balagopal Pillai TLDM	-1964 hingga 1966
Lt Simon Wong Tet Fook TLDM	-1967 hingga 1968
Lt Abu Zarim bin Abu Bakar TLDM	-1968 hingga 1970
Lt Thiruchandran a/ Thambipillai TLDM	-1970 hingga 1971
Lt Kdr Ahmad Kamal bin Hj Yahya TLDM	-1972 hingga 1973
Lt Kdr Mohammad Said bin Abdul Hamid TLDM	-1973 hingga 1974
Lt Kdr Thyagarajah a/ Govindasamy TLDM	-1974 hingga 1976
Kdr Gerald Edward Anthony Isaac TLDM	-1977 hingga 1979
Kdr Abd Wahid bin Anang TLDM	-1979 hingga 1981
Kdr Tajudin bin Yahya TLDM	-1981 hingga 1984
Kdr Ahmad Kamal bin Hj Yahya TLDM	-1984 hingga 1986
Kdr Lai Maun Kong TLDM	-1986 hingga 1989
Kdr Hashimi Quah Hoe Yeang TLDM	-1989 hingga 1991



Mantan Pegawai-Pegawai Memerintah KD SRI REJANG semasa Majlis Reunion veteran TLDM pada 13 November 2016



*Riverine Craft Personnel*



*Landing Craft Personnel*

# KAMI SEDIA WALAU TIDAK DIJIHAT DUNIA!

Oleh: Lt Kdr Melissa binti Yayanto TLDM  
Foto: N.S Shah / Arkib PUSMAS TLDM

**K**ehabatan dan kredibiliti PASKAL di lapangan pertempuran tidak perlu dihiparkkan lagi sementelahan beberapa siri kejayaan seperti operasi menyelamat kapal MT Bunga Melati 2 dan MT Bunga Melati 5 di Somalia (2008) dan operasi menyelamat kapal MT BUNGA LAUREL (2011) telah terpapar di media sosial. Walau begitu, masih terdapat beberapa operasi yang digempur oleh PASKAL namun tidak dihebahkan kepada masyarakat seperti kisah pencerobohan di Lahad Datu. PASKAL merupakan antara kumpulan terawal yang bertembung dengan insiden tersebut. Menyingkap kembali kisah yang berlaku pada 2013, penulis berkesempatan bertemu bual dengan anggota PASKAL yang terlibat dalam operasi yang dikenali sebagai Op Daulat.

## Laksana tugas perisikan

Op Daulat diaktifkan berikutan kehadiran tetamu tidak diundang, Kumpulan Militan Kesultanan Sulu (KMKS) yang menceroob Sabah pada awal 2013. "Sabar bos, tak lama sahaja lagi. Lepas ini kita akan perintah Sabah. Kita akan tukar Malaysia". Perbualan yang diperolehi ketika melaksanakan tugas perisikan amat membimbangkan PASKAL. Sejak awal 2013, Tim Sel Risik Gempur (SRG) PASKAL telah ditempatkan di Felda Sahabat untuk mengesahkan maklumat kemasukan KMKS di kawasan tersebut. Operasi pemantauan dilaksanakan oleh Tim Penggempur PASKAL di perairan negara menggunakan bot TLDM bersama bot tempatan seperti sampan, jongkong dan bot nelayan sebagai penyamaran, manakala Tim SRG ditugaskan membuat pemantauan di darat.

## Lelaki bersenjata mencurigakan

Pada 12 Februari 2013, sekembalinya sekumpulan nelayan dari memancing di awal pagi memberitahu Tim SRG mereka melihat beberapa buah bot laju yang tidak dikenali membawa penumpang yang ramai menuju ke pantai Tanduo. Namun, beberapa bot berkenaan berpatah balik dalam keadaan kosong dan hanya meninggalkan satu bot di pantai Tanduo. Turut kelihatan, sekumpulan lelaki berpakaian celoreng, bersenjata dan berkain putih di kepala bergerak menuju ke atas bukit berdekatan. Lantas, Tim SRG bergerak ke Kg Tanduo untuk membuat pengesahan berbekalkan senjata yang disembunyikan.

## Menyamar sebagai penduduk kampung

Tim SRG berjaya menemui kumpulan berpakaian celoreng lengkap bersenjata M16 dan Garand 7.62. Kelihatan dua orang berjubah putih sedang menyampaikan taklimat kepada kumpulan bersenjata ini. Kehadiran mereka disambut dengan pandangan tajam kumpulan tersebut. Masih menyamar sebagai penduduk kampung, Tim SRG cuba berlagak biasa dan berjalan melintasi kumpulan tersebut.

## Sempat tinjau kawasan sekeliling

Namun, satu suara menyergah mereka, "Mana kau nak pergi? Aku tak pernah nampak muka kau. Ini kawasan persendirian!" Walaupun terkejut, namun dengan tenang mereka menjawab mereka ingin ke rumah Ali (anak Mad Bon) untuk meminjam bot dan pergi memancing. Sesi soal jawab memberi kesempatan kepada Tim SRG meninjau kawasan sekeliling dan mendapati terdapat beberapa anggota berkawal di tepi jalan dan laluan masuk.



# Utusan Malaysia



Pertempuran tercetus selepas kumpulan penceroboh menyerang polis.

## Serangan berdarah

**1** Ketua Pembangkang diisytiharkan sebagai pengganas. Ketua pembangkang Parti Aman Sejahtera (PAS), Anwar Ibrahim, diisytiharkan sebagai pengganas oleh kerajaan Malaysia. Anwar Ibrahim, 58, adalah bekas Menteri Besar Selangor dan bekas Menteri Kanan Luar Negeri. Beliau telah diisytiharkan sebagai pengganas oleh kerajaan Malaysia pada 11 Jun 2013.

**2** Ramai percaya salah laku Anwar - Nalla. Ramai percaya bahawa salah laku Anwar Ibrahim adalah faktor utama kepada serangan berdarah di Lahad Datu. Nalla, bekas Menteri Besar Sabah, berkata bahawa Anwar Ibrahim telah menyalahgunakan kuasa sebagai Menteri Kanan Luar Negeri untuk mempromosikan agenda politik PAS di Sabah.

**3** Penceroboh Lahad Datu. Penceroboh Lahad Datu adalah kumpulan penceroboh yang menyerang Lahad Datu pada 1 Mac 2013. Mereka adalah anggota Kumpulan Melayu Kalimantan Selatan (KMKS) yang berkecuali dengan kerajaan Malaysia. Mereka telah menyerang Lahad Datu dan membunuh beberapa orang polis dan tentera.

## Tanduuo diisytihar bersih

...disebabkan penerangan pembangkang di sebuah pencen...  
**Kumpulan jadi dalang**



tanggungjawab keselamatan kawasan pantai timur Sabah khususnya Lahad Datu diserahkan kepada Eastern Sabah Security Command (ESSCOM).

### SABAH

- 1. KAMPUNG TANDUO**  
 Operasi pembersihan di Kampung Tandu dan membunuh seorang pengganas.
- 2. KAMPUNG TANJUNG BATU**  
 Musuh bergerak ke Kampung Tanjung Batu dan operasi pembersihan turut diadakan.
- 3. SEMPORNA**  
 Anggota keselamatan menggelandang Kampung Simunul untuk mencari senjata yang ditinggalkan atau disembunyikan pengganas.

**Lahad Datu**



### Dihalau

Kehadiran mereka yang ramai dan bersenjata, Tim SRG mengaku wujud rasa takut sehinggakan rokok yang dihisap juga terasa kelat. Namun, dalam pada takut, Tim SRG sempat bertanya tujuan mereka ke kawasan tersebut dan soalan tersebut dibalas dengan kata-kata, "Jangan kamu menyibuk! Pergi dari sinilah!" Setelah dihalau, Tim SRG berlalu meninggalkan kawasan tersebut dan membuat laporan di Balai Polis Cenderawasih.

### Salur maklumat kepada PDRM

Tim SRG dan PDRM saling berkongsi maklumat demi mematahkan tindakan penceroboh ini apatah lagi penduduk kampung mulai menerima ugutan dari penceroboh. Selain itu, ketangkasan pasukan Marin Filipina yang menyekat gelombang kedua kumpulan ini dari melepasi perairan Filipina wajar diberi perhatian meskipun dua anggota marin mereka terbunuh dalam operasi tersebut. Mengetahui selok belok kawasan tersebut. Tim SRG membantu PDRM selaku penunjuk jalan sepanjang kawasan tersebut. Kehadiran 200 penceroboh bersenjata menyemarakkan lagi keazaman Tim SRG, "Mungkin di sinilah pengakhiran hidup aku. Kalau mati pun, tidak mengapa, janji aku boleh tembak salah seorang penceroboh ini", kata salah seorang Tim SRG.

### Operasi diteruskan

Beberapa siri rundingan dilaksanakan di samping tindakan PDRM memutuskan bekalan makanan dan sumber air agar penceroboh menyerah diri. Namun, keengganan mereka telah menoktahkan sejarah pertempuran pada 1 Mac 2013 antara VAT 69 dan kumpulan penceroboh. Selepas serangan, PASKAL masih meneruskan operasi perisikan di samping terlibat secara langsung membantu PDRM dalam operasi menyelamatkan, menjejak, menangkap atau menghapuskan anggota KMKS. Malah, Tim Pengempur PASKAL juga turut terlibat dalam operasi menyelamatkan anggota PDRM yang terperangkap di Kg Simunul. Beberapa suspek yang dipercayai anggota KMKS juga berjaya ditahan dan diserahkan kepada PDRM. Op Daulat dilaksanakan secara berfasa dan berakhir pada 29 Jun 2013 setelah

# PANGKALAN TLDM LUMUT KE ARAH PANGKALAN RENDAH KARBON

Oleh: Lt Kdr Arwinderjit Singh a/l Shabag Singh



Komander Pangkalan Lumut menerima Provisional Certificate LCCF daripada wakil MESTECC semasa Majlis Sambutan Hari Inovasi TLDM 2018

Perubahan iklim dan pemanasan global merupakan suatu fenomena yang nyata menjejaskan kesejahteraan kehidupan seluruh alam. Penyumbang utama masalah ini adalah pelepasan Gas Rumah Hijau (GRH) terutamanya gas karbon dioksida (CO<sub>2</sub>) yang tidak terkawal. Pembebasan gas ini terhasil daripada aktiviti pembangunan, aktiviti perbandaran, peningkatan penduduk dan pertumbuhan ekonomi.

Kerangka Perbandaran Rendah Karbon atau *Low Carbon Cities Framework* (LCCF) merupakan satu inisiatif yang dibangunkan oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim atau dikenali sebagai MESTECC dengan kerjasama *Malaysia Green Technology Corporation* (MGTC) diguna pakai untuk mencapai pembangunan mampan secara holistik dan berupaya mengawal tahap pembebasan karbon agar sentiasa rendah.

Konsep 'Bandar Rendah Karbon' (Low Carbon City) adalah penting dalam senario pembangunan bandar dan tadbir urus sesebuah bandar kerana peningkatan paling ketara penggunaan tenaga dan pengeluaran CO<sub>2</sub> berlaku di kawasan bandar. Bagi menyokong inisiatif tersebut, TLDM telah merancang menjadikan pangkalan TLDM utama di seluruh negara sebagai Pangkalan Rendah Karbon.

Usaha ini merupakan salah satu inisiatif dalam Pelan Green Navy 2018 – 2030. Susulan daripada itu, Pangkalan TLDM Lumut dipilih sebagai projek rintis Pangkalan Rendah Karbon. Pengumpulan data berkaitan aspek pembebasan karbon dilaksanakan di Pangkalan TLDM Lumut sejak 5 Sep

2017. Hasilnya, pihak MESTECC dan MGTC bersetuju menganugerahkan *Provisional Certificate LCCF* kepada Pangkalan TLDM Lumut sebagai tanda komitmen pangkalan ke arah mencapai pengurangan karbon.

LCCF merupakan sistem berasaskan prestasi untuk mengukur impak alam sekitar disebabkan oleh pembangunan dari aspek jumlah pembebasan karbon. Kalkulator karbon digunakan untuk membantu pengguna menentukan baseline pengeluaran tersebut.

Pengguna kemudian akan menggunakan pelbagai strategi yang disyorkan dalam kerangka LCCF untuk mencapai tahap pengurangan karbon. Pengukuran penarafan LCCF adalah berdasarkan Diamond Rating yang digunakan Kerajaan Malaysia seperti berikut:

Bagi memastikan Pangkalan TLDM mencapai sebagai sebuah Pangkalan Rendah Karbon, langkah berikut perlu diambil oleh *the Navy People*:

- a. Mengamalkan penjimatan tenaga elektrik dengan memadamkan lampu, kipas dan peralatan elektrik yang tidak digunakan.
- b. Meningkatkan aktiviti penanaman pokok dengan mewujudkan ruang hijau bagi tujuan penyerapan CO<sub>2</sub> yang lebih tinggi.
- c. Mengurangkan penggunaan

kenderaan dalam pangkalan dengan mengamalkan perkongsian kenderaan, berjalan kaki atau berbasikal ke tempat kerja.

d. Menyelenggara kenderaan secara berkala agar tidak mengeluarkan asap hitam.

e. Mempertimbangkan penggunaan kenderaan elektrik atau menggunakan kenderaan yang mesra alam sekitar.

f. Mengoptimalkan kemudahan pengangkutan awam.

g. Mengurangkan pembuangan sampah dan mengamalkan kitar semula (reduce, reuse and recycle).

h. Menggunakan tenaga yang boleh diperbaharui seperti tenaga solar.

i. Memupuk ahli keluarga dan rakan sepejabat untuk mengamalkan gaya hidup mementingkan penjagaan alam sekitar.

Usaha menjadikan Pangkalan TLDM Lumut sebagai Pangkalan Rendah Karbon pertama di Malaysia bakal direalisasikan pada tahun 2019. Diharapkan inisiatif ini dapat dijadikan penanda aras kepada semua Pangkalan TLDM mahupun kem-kem tentera dalam menjadikan pangkalan/kem rendah karbon.

Carbon Reduction Level	Level of Achievement
100%	Carbon Neutral
70-99%	Best Practice 5 (BP5) ♦♦♦♦♦
50-69%	Best Practice 4 (BP4) ♦♦♦♦
30-49%	Best Practice 3 (BP3) ♦♦♦
10-29%	Best Practice 2 (BP2) ♦♦
1-9%	Best Practice 1 (BP1) ♦





# LANGKAH MULA KE ARAH PUSAT PENYELIDIKAN MARITIM BERTARAF DUNIA

Oleh: Lt Kdr Megat Salman bin Megat Iskandar Paudzi TLDM

**P**usat Strategi Maritim dan Sejarah (PUSMAS) TLDM telah melalui evolusi apabila fungsi dan peranannya telah diperluaskan mencakupi empat komponen penting iaitu penyelidikan, doktrin, sejarah dan publikasi. Perubahan positif ini merupakan salah satu inisiatif Transformasi 15to5 TLDM bagi meningkatkan keupayaan dan kewibawaanya dalam mengharungi cabaran dimensi pertahanan maritim mutakhir ini.

Dalam usaha memartabatkan Malaysia sebagai sebuah negara maritim, PUSMAS TLDM melalui Jabatan Penyelidikan Maritim giat mengorak langkah melaksanakan beberapa inisiatif dalam mewujudkan jaringan kerjasama bersama institusi, para akademik dan penyelidik tempatan. Inisiatif ini dilaksanakan menerusi kunjungan hormat, lawatan dan sesi interaksi dengan beberapa agensi berkaitan sejarah dan strategi maritim seperti Institut Maritim Malaysia, Institut Alam dan Tamadun Melayu di UKM, Pusat Penyelidikan Arkeologi Global di USM, *Institute of Strategic and International Studies Malaysia* dan Majlis Keselamatan Negara.

Walau baru beroperasi sejak 27 April yang lalu, jaringan kerjasama yang terjalin ini membuahkan hasil apabila PUSMAS TLDM diberi akses kepada bahan penyelidikan dan sumber maklumat yang dimiliki oleh setiap organisasi. Lebih mengujakan apabila PUSMAS TLDM berpeluang mengakses



perpustakaan maritim terbesar di rantau Asia Tenggara oleh Institut Maritim Malaysia. Peluang sebegini adalah bukti keyakinan dan harapan pelbagai organisasi terhadap PUSMAS TLDM dalam bidang keselamatan maritim.

Justeru, interaksi yang dilaksanakan bersama institusi-institusi penyelidikan di Malaysia merupakan titik mula dalam melonjakkan PUSMAS TLDM ke arah aspirasi Malaysia sebagai sebuah paksi maritim dunia pada masa hadapan. Inisiatif ini akan dikembang dan diperluaskan melalui interaksi bersama rakan strategik TLDM di dalam dan luar negara.





# FOMDEX CABAR MENTAL DAN FIZIKAL PDL DAN PTM

Oleh: PKK Weng Poh Leng (KD SRI KLANG)  
Foto: Lt M Muhamad Arif Mohd Azali PSSTLDM

Pegawai Dalam Latihan (PDL) dan Perajurit Muda (PtM) dari unit KD SRI KLANG telah menjalani *Fitness Orientation and Mind Development Exercise (FOMDEX)* di Dusun Eco Resort, Bentong, Pahang pada 14-16 September 2018.

Pergerakan pegawai dan anggota ke tapak latihan bermula pada 14 September 2018. Kami telah dibahagikan kepada tiga awasan iaitu Merah, Biru dan Putih. Aktiviti dimulakan dengan jalan lasak memasuki tapak latihan sejauh 3km. Kami telah dicabar untuk mendaki jalan tanah laterit bercampur pasir kerikil halus pada had kecerunan bukit antara 15 peratus.

Hari kedua latihan dimulakan seawal 0530H dengan *Early Morning Activity (EMA)* oleh *Physical Training Instructor (PTI)* dan disusuli dengan Latihan Asas Tempur Tanpa Senjata (TTS) oleh Jurulatih TTS yang menyampaikan teknik-teknik pergerakan tendangan depan dan sisi serta kombinasi tendangan tersebut.

Sekali lagi kami dicabar dengan latihan melintas halangan yang dimulakan dengan memanjat dinding setinggi 2 meter diikuti halangan merangkak di dalam lumpur atau muddy belly crawl. Kemudian disusuli dengan spider net sebelum berdepan halangan lain yang lebih mencabar seperti *swinging log*, *rope wiggle* dan *rope balance*.

Kami kemudiannya diuji membina rakit menggunakan bahan yang cukup terhad seperti buluh, tali dan tong plastik. Awasan Merah telah muncul juara kerana berjaya menghasilkan rakit yang kukuh dan kemas malah boleh terapung. Pengemudian rakit serta kerjasama berpasukan juga antara faktor kejayaan pasukan tersebut.

Kami meneruskan aktiviti dengan *Jungle Tracking* melalui Desa Rimba Trail dengan kecerunan mendaki setinggi 50-60 meter dan sejauh 5.4 kilometer dengan merentasi anak sungai dan denai yang dihalang oleh pokok tumbang. Kerana agak keletihan, pacat yang mencari mangsa dilayan seperti nyamuk, hanya ditepuk dan ditepis oleh para peserta.





*Flying Fox* merupakan aktiviti yang paling dinantikan. Di sini, kami perlu melalui jambatan bergantung wayar yang licin dalam hujan lebat sebelum sampai ke *check point*. Permandangan seluruh resort pada waktu malam dengan kelajuan meluncur menghilangkan segala rasa gayat kerana kami dapat menikmati keindahan alam.

Aktiviti malam diteruskan dengan acara 'Burung Hantu' dan 'Water Confident' di kolam. Aktiviti tersebut juga agak mencabar ketahanan mental kerana daripada aktiviti inilah kita kenal diri kita dan apakah kita berani menyahut cabaran dan selesaikan tugas yang diberi dengan baik?

Hasil daripada latihan FOMDEX, melalui lensa mata anggota PSSTLDM, bukan hanya kekuatan fizikal diperlukan untuk melaksanakan sesuatu tugas tetapi kekuatan mental juga sama penting.



Wajah ceria dalam kepenatan para peserta semasa aktiviti *jungle tracking*





Oleh: Lt M Muhammad Zulhusnie Khalib PSSTLDM

Istiadat Pentauliah Diraja sememangnya menjadi satu penantian bagi bakal Pegawai Kadet PALAPES seluruh Universiti Awam. Pada tahun ini, Universiti Sains Malaysia (USM) terpilih menjadi tuan rumah untuk istiadat Pentauliah Diraja buat kali ke-37 melibatkan hampir 1200 bakal pegawai kadet.

Universiti Malaya (UM) turut menghantar Pegawai Kadet Kanan ambilan ke-16 yang mendapat jolokan nama GEMPITA 16 seramai 35 orang untuk mengikuti istiadat pentauliah ini menjadikan PALAPES Laut teramai bagi Universiti Awam yang bakal ditauliahkan. Sebagaimana tahun sebelumnya, UM amat menitikberatkan soal kesihatan, kecergasan dan persediaan setiap anggotanya. Bagi memastikan semuanya berjalan lancar, latihan persediaan kawad dan pemeriksaan pakaian dilakukan agar ia lengkap dan tidak mempunyai masalah semasa di USM nanti.

Minggu pertama di USM, kami bangun seawal 0430H bagi melakukan *Early Morning Activity* (EMA). Latihan kawad kemudiannya dijalankan sepanjang hari bermula 0700 sehingga 1830H. Cuaca yang panas sangat mencabar, tambahan pula USM berada di kawasan pulau. Hampir 100 orang pelatih tumbang di padang kawad pada hari pertama. Walau bagaimanapun, PALAPES UM mengekalkan rekod bersihnya dengan sasaran tiada tumbang.

Dengan kekangan padang kawad yang tidak luas, kuota setiap universiti bagi PALAPES Laut hanyalah 15 orang



sahaja. Walaupun sukar diterima, kami perlu akur. Pada saat itu, semua perlu memainkan peranan dan memegang slogan 'Sedia Berkorban' apabila ada di kalangan kami terpaksa keluar baris bagi mematuhi arahan yang telah dikeluarkan. Namun, mereka tetap berbangga dapat membantu menyediakan keperluan bagi pasukan kawad demi kelancaran istiadat. Dari sinilah, kerjasama antara satu sama lain dapat dinilai.

Tiada istilah masa lapang buat kami kerana sebaik sahaja selesai latihan kawad, kami perlu bersiap ke Dewan DSTP bagi menjalani latihan penerimaan watak tauliah yang adakalanya berlarutan sehingga jam 0130H. Sehingga satu tahap dewan ini digelar 'dewan berhantu' kerana setiap kali pelatih masuk, pasti akan tertidur kerana keletihan berkawad sepanjang hari.

Setibanya di kolej kediaman pula, kami perlu mendengar taklimat daripada pegawai dan jurulatih termasuk persediaan untuk keesokan harinya. Hari demi hari perlu kami lalui dengan hanya berbekalkan 2-3 jam sahaja tidur. Walau bagaimanapun, untuk memastikan anggota UM tetap sihat dan cergas, setiap malam akan diadakan Water Drill yang memerlukan kami menghabiskan sekurang-kurangnya 1 liter air sebelum kembali ke bilik masing-masing.

Dengan cogan kata "sekali layar berkembang, pantang surut kembali", semua cabaran sepanjang tempoh latihan Istiadat Pentauliah Diraja dapat diatasi dengan kerjasama dan sikap setiakawan antara sesama anggota. Terima kasih kepada semua pegawai-pegawai dan jurulatih yang tidak pernah berhenti membantu kami supaya semuanya berjalan lancar dan berakhir cemerlang.







# HALF MILITARY, HALF CORPORATE:

## WHY ALL MALAYSIANS SHOULD BE PROUD TO JOIN THE DEFENCE FORCE RESERVES

By: Acting Sub Lieutenant Raja Zainal Badri bin Yang Mulia Raja Datuk Sharifuddin Hizan As-Safri  
PSSTLDM

Communications Strategist  
(Strategic Communications Team, Royal Malaysian Naval Volunteer Reserve)  
Managing Director  
(Branding & Marketing Consultancy Firm)

22nd August 2018

It is one of the best decisions of my life. A cycling trip from Shah Alam to the Royal Malaysian Navy base in Lumut complete with a visit onboard KD Jebat in 2016 was the starting point that sparked my interest of the Naval world. Fast forward to the year 2018, I was commissioned as a full fledged Royal Malaysian Naval Volunteer Reserve (PSSTLDM) force officer.

As a Malaysian in the Corporate world and at 36 years of age, joining the Armed Forces Reserve unit was never a priority as I always know that we have our regular Armed Forces personnel to protect our country. However, having my thoughts broadened, what real contribution and sacrifice have I made for my beloved Malaysia other than contributing to the economy? That was when I decided to enrol to serve PSSTLDM. In just a short span of 2 years, the knowledge and experience I have gone through to train as a Naval Reserve officer is too valuable and only individuals who have gone for the training can truly appreciate it.

Half Military, Half Corporate is what I am now. Apart from learning Naval subjects such as naval history and traditions, navigation, seafaring and military skills which includes base defence, shooting and fitness, joining PSSTLDM has built me, to become a greater individual to serve a greater cause larger than myself, which is for my Malaysia. All aspects of becoming a better person had been planted in me to constantly persevere, always be aware of my surroundings, practise humility, develop my mental and physical toughness while strengthening my professional development and leadership potential. At the same time, I am contributing my Corporate skills and knowledge to assist the Navy as well.

Every time I am called to serve, I am proud and more than ready. Looking forward to many more years of serving PSSTLDM, for our Malaysia.

When is your turn?

'SEDIA BERKORBAN'



# PROGRAM MASTER OF BUSINESS ADMINISTRATION (MBA) UNTUK THE NAVY PEOPLE

Oleh: Kept Azhar bin Adam TLDM

**S**atu inisiatif telah diwujudkan oleh TLDM dalam menyediakan peluang kepada warga TLDM untuk mengikuti program pengajian Master of Business Administration (MBA) secara separuh masa dengan pembiayaan sendiri bersama beberapa buah universiti. Program ini telah diilhamkan oleh Panglima Tentera Laut pada awal Mac 2018 bagi melahirkan warga *the Navy People* yang berilmu, berkeyakinan tinggi, berfikiran inovatif dan berdaya saing dalam menyumbang kepada TLDM. Selain itu, ianya sebagai persediaan bagi warga TLDM untuk mengharungi kerjaya kedua dan kehidupan luar apabila bersara kelak.

Program ini merupakan salah satu inisiatif transformasi TLDM yang telah diberi nama KEEL (Knowledge Empowerment through Enhancement Learning). Nama ini amat sesuai kerana keel yang bermakna lunas atau tulang belakang merupakan bahagian yang terpenting kepada struktur kapal atau organisasi. Majoriti peserta program pengajian ini adalah terdiri daripada pegawai muda yang bakal menyumbang ilmu pengetahuan mereka kepada TLDM untuk jangka masa yang panjang.

Seramai lebih 120 orang warga TLDM telah menyatakan minat untuk menyertai program ini. Sehingga kini, seramai 75 orang telah mendaftar untuk memperoleh sarjana MBA. Pengajian ini terbuka kepada warga TLDM yang berkelulusan ijazah sarjana muda atau sekurang-kurangnya diploma yang perlu melalui proses APEL (Accreditation of Prior Experiential Learning/ Pengakreditasi Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu).

Pelaksanaan program ini dilakukan hasil kerjasama dengan 4 buah universiti tempatan iaitu Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan UNITAR International Universiti (UNITAR) di empat lokasi seperti berikut:

Lokasi	Universiti	Mula	Dijangka tamat	Lokasi Kuliah
Kuala Lumpur	MT	Sep 2018	Jan 2020	UTM KL
Lumut	UNITAR	30 Jun 2018	Dis 2019	KDSI 1
Kota Kinabalu	MS	Sep 2018	Jan 2020	UMS KK
Kuantan	UMP	Sep 2018	Jan 2020	UMP Gambang



Road tour sempena mempromosikan program pengajian MBA kepada warga TLDM di Pangkalan TLDM Tg Gelang, Kuantan.



Road tour sempena mempromosikan program pengajian MBA kepada warga TLDM di Pangkalan TLDM Kota Kinabalu, Teluk Sepangar.

Program pengajian MBA ini juga menawarkan kos pengajian yang menarik dan lebih rendah berbanding pasaran iaitu antara RM12,000.00 hingga RM14,500.00 untuk tempoh pengajian selama 18 bulan. Bagi memberi galakan kepada warga TLDM yang berhasrat untuk meningkatkan tahap akademik ke peringkat yang lebih tinggi, Bahagian Sumber Manusia, Markas Tentera Laut membantu dan memproses pinjaman tanpa faedah melalui Tabung Pinjaman Akademik dan Pengajian Tinggi Angkatan Tentera (TAPAT) kepada peserta program yang memerlukan.

Peluang pengajian yang menawarkan pakej menarik ini sememangnya harus direbut oleh *the Navy People* bagi meningkatkan kualiti modal insan demi mendukung Pelan Transformasi TLDM.

## TLDM tawar program MBA kepada pegawai

Diterbitkan 23 Jun 2018, 1:08 petang | Dikemaskini 23 Jun 2018, 1:11 petang



Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) kini menyediakan peluang bagi pengajian Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) secara sambilan kepada pegawai TLDM menerusi program khas dengan kerjasama beberapa universiti tempatan.

Panglima TLDM Laksamana Tan Sri Ahmad Kamarulzaman Ahmad Badaruddin berkata program pengajian itu bertujuan menyediakan peluang kepada pegawai TLDM meningkatkan pengetahuan dan tahap pencapaian akademik untuk dimanfaatkan semasa berkhidmat atau setelah bersara.

# PROGRAM MOTIVASI KECEMERLANGAN AKADEMIK

## KATEGORI UPSR ANJURAN BERSAMA ATM /PERNAMA TAHUN 2018

Oleh: Sel Pendidikan Am

**A**ngkatan Tentera Malaysia (ATM) sentiasa berusaha untuk memastikan setiap anak warga tentera dalam ketiga-tiga perkhidmatan mendapat pendidikan yang terbaik. Oleh yang demikian, pelbagai inisiatif telah dirancang melalui pelan pendidikan yang dilaksanakan melalui Jabatan Arah Pendidikan. Antara program yang dilaksanakan adalah mengiktiraf pencapaian akademik anak-anak warga tentera melalui Majlis Anugerah Kecemerlangan Pendidikan Anak-anak Tentera, Kelas Bimbingan Sekolah dalam Kem, Program Tuisyen secara Online dan juga Program Motivasi Kecemerlangan Pendidikan UPSR, PT3 dan SPM yang turut melibatkan warga *the Navy People*.

Sehubungan itu, Program Motivasi Kecemerlangan Akademik kategori UPSR bagi Tahun 2018 anjuran bersama ATM/PERNAMA telah dilaksanakan melibatkan seramai 330 orang murid. Program ini telah dianjurkan di 3 lokasi berlainan melibatkan anak-anak warga *the Navy People* tahun 5 dan 6 seperti berikut:

Siri	Tarikh	Penganjur	Tempat
1.	29 Jun 18	KD MALAYA	SKTLDM 1 dan SKTLDM 2
2.	14 Jul 18	KD SRI SANDAKAN	Dewan Sri Bayu, KD SRI SANDAKAN
3.	16 & 17 Jul 18	KD SRI KOTA KINABALU	Pusat Sumber SK Pangkalan TLDM Kota Kinabalu



Sebahagian peserta bagi Program Motivasi UPSR yang dilaksanakan bertempat di SK TLDM 1 Pangkalan TLDM Lumut.



Para pelajar sedang tekun mendengar ceramah yang disampaikan oleh penceramah di Pusat Sumber SK Pangkalan TLDM Kota Kinabalu.

Program motivasi kecemerlangan ini dilaksanakan bagi mencapai objektif seperti berikut:

- Memberi kesedaran kepada para pelajar akan potensi mereka untuk menjadi seorang pelajar yang cemerlang.
- Membentuk perkembangan diri yang positif melalui kesedaran untuk memahami diri sendiri serta orang lain.
- Melatih pelajar untuk mengendalikan aktiviti pengurusan jadual seharian yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek.
- Memberi pendedahan kepada teknik-teknik menjawab soalan peperiksaan UPSR kelak.

Bagi mendapatkan impak yang lebih baik, para penceramah yang dipilih adalah daripada kalangan guru-guru cemerlang UPSR. Subjek yang ditekankan adalah Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan juga Sains. Pelbagai teknik dan kaedah dalam menjawab soalan telah didedahkan kepada para peserta. Diharapkan dengan penganjuran program ini akan membantu anak-anak *the Navy People* untuk lebih berkeyakinan dan berjaya dengan cemerlang dalam peperiksaan UPSR kelak.



Panglima Wilayah Laut 2 bergambar bersama peserta motivasi di Dewan Sri Bayu KD SRI SANDAKAN.

# PENGAJIAN SARJANA BERPRESTIJ LUAR NEGARA SERTA PELUANG MENDAPAT BIASISWA

Oleh: Laksamana Muda Ir. Mohd Shaiful Adli Chung bin Abdullah



Selain, kedua-dua biasiswa yang dinyatakan, peluang biasiswa lain juga wujud di mana terdapat lebih kurang 250 biasiswa sedemikian untuk warga Malaysia, antaranya:

- Gates Cambridge Scholarship, United Kingdom
- Warwick Chancellor's Scholarship, United Kingdom
- Swiss Government Excellence Scholarship, Switzerland
- Australia Award Scholarship, Australia
- Adelaide Scholarship International (ASI), Australia
- Eric Blumink Scholarship, Belanda
- The Holland Scholarship, Belanda
- USA Government Scholarship, Amerika Syarikat
- Fulbright Scholarship Programme, Amerika Syarikat
- The German Academic Exchange Service (DAAD), Jerman
- Eiffel Scholarship Programme, Perancis
- Japanese Government Scholarship, Jepun
- Italian Government Bursaries Scholarship, Itali

Sehubungan itu, pegawai TLDM boleh mencapai dan memohon biasiswa tajaan penuh luar negara ini secara atas talian (on-line).



**D**ua pegawai TLDM telah mengharumkan nama TLDM apabila berjaya mendapat tajaan biasiswa penuh bagi Pengajian Sarjana Sepenuh Masa Kerajaan United Kingdom dan Sweden bagi sesi 2018/2019.

Bagi pengajian di United Kingdom, Kdr Ir. Khairol Nizam Mansor TLDM sedang mengikuti Pengajian *MSc Engineering Management* di Universiti of Chester melalui *Chevening Scholarship Programme* yang bermula bulan September 2018 sehingga Oktober 2019. Manakala Lt Kdr Ir. Mohd Shafiq Sharhan Zainal TLDM pula menyambung pengajian Sarjana dalam jurusan *Master Programme in Mechanical Engineering with Emphasis on Structural Mechanics* di Blekinge Institute of Technology, Karlskrona, melalui *Swedish Institute Study Scholarship (SISS)* bermula September 2018 sehingga Jun 2020.

Sebelum ini, pegawai TLDM yang telah berjaya mengikuti program sedemikian antaranya ialah Kdr Hj Shaiful Fadzli Ismail TLDM, Lt Mohammad Rafeq Paimin TLDM, Lt Mohd Massuoadi Mohd Zukri TLDM, Kept (B) Ir. Azhar Jumaat TLDM, Lt Kdr (B) Ir. Loke Wei Ho TLDM dan ramai lagi.

Kejayaan mengikuti pengajian berprestij oleh kedua-dua pegawai ini dari kalangan lebih 50,000 rakyat Malaysia yang memohon perlu dijadikan inspirasi dan galakan agar pegawai TLDM yang lain menyahut cabaran pucuk pimpinan Tertinggi TLDM untuk meningkatkan kelayakan akademik mereka.

Pengajian secara *full scholarship* adalah salah satu peluang yang wajar direbut di kalangan pegawai TLDM.

# LK I NUR FATIN OBSES JENTERA BERAT

Oleh: PW I PRL Normahaily Mohd Nor  
Foto: BM TLR Suhairi Hj Mohamed Ali

**M**ungkin hanya ibu yang faham dia, memiliki perwatakan jauh berbeza daripada adik-beradiknya yang lain, kasar dan lasak. Tidak hairanlah kenapa Laskar Kelas Satu Nur Fatin Shahiera Mohd Halil, 25, begitu obses dengan jentera berat dek sifatnya yang agak 'keras' itu.

Melihat sisi peribadinya, sukar untuk meniadakan minat mendalam gadis berhati waja ini dalam bidang yang telah diceburi hampir tujuh tahun sejak memasuki TLDM pada 3 Oktober 2011.

## Selesa kerjaya pemandu

Berkongsi pengalaman, anak kedua daripada tiga beradik kelahiran Kuantan, Pahang ini begitu selesa meniti hari-harinya sebagai pemandu di Depot Armada Barat, Pangkalan TLDM Lumut. Menyedari profesion pilihannya didominasi anggota lelaki, Fatin sentiasa optimis dan positif dengan kemampuan dirinya, walaupun dia satu-satunya 'bunga' dalam kelompok tersebut.

"Tidak pernah wujud jurang antara kami dan saya selesa bekerjasama dengan mereka, tambahan pula ini peluang untuk saya menimba ilmu kerana mereka banyak pengalaman.

Walaupun berbeza genre, Fatin bertuah kerana rakan sekerja banyak membantu dan memberinya semangat malah mereka jugalah yang mencabarnya untuk berada di posisi sekarang.

"Saya sahut cabaran mereka dan nekad mahu mencabar kemampuan diri dalam ruang kerjaya yang dimonopoli kaum lelaki. Paling utama, saya sukakan kerja lasak," ujar Fatin yang cekap mengendalikan bas dan trak.

## Tidak ambil mudah

Seperti rakan-rakan sebidang, Fatin tidak ambil mudah tentang kenderaan yang dikendalikannya. Selain persiapan lengkap sebelum memandu, dia juga sentiasa bersedia dari segi mental dan fizikal. "Semasa memandu saya berikan tumpuan 100 peratus, tajamkan mata, peka dengan keadaan sekeliling dan paling penting saya sentiasa ingat risiko

memandu jentera berat tidak sama seperti memandu kereta. Bagi saya, keselamatan di atas jalan raya adalah satu keutamaan. Salah pengendalian, ia boleh mengundang padah malah boleh membawa maut.

"Alhamdulillah, sehingga ke hari ini belum pernah berlaku perkara tidak diingini. Pada saya, selagi kita mematuhi prosedur dan langkah-langkah keselamatan, risiko kemalangan pasti boleh dielakkan," katanya yang pernah membuat perjalanan jarak jauh dari Lumut ke Terengganu, Johor dan Perlis.

## Curi perhatian

Mungkin satu fenomena luar biasa melihat kelibat seorang wanita memacu jentera berat pasukan keselamatan di tengah-tengah kesibukan jalan raya. Tidak dinafikan, ia menarik perhatian pengguna jalan raya lain yang menganggapnya unik. Fatin mengakui situasi tersebut dan dia sudah lali.

"Kadang kala lucu juga. Mana tidaknya, setiap kali saya memandu trak atau bas, pengguna jalan raya lain mencuri pandang dan menoleh dua tiga kali ke arah saya seolah-olah tidak percaya," Fatin menceritakan pengalamannya.

Fatin berbangga kerana sifat keterbukaan pihak pengurusan tertinggi TLDM merapatkan jurang antara anggota lelaki dan wanita telah membuktikan anggota wanita punya kelebihan bukan calang-calang sekali gus menyangkal skeptikal wanita itu lemah.

## Bukti keupayaan wanita

"Tiada yang mustahil dan biarpun memiliki kekuatan tidak sehebat anggota lelaki, saya mahu buktikan bahawa wanita juga setanding mereka dan bukan sekadar mencukupkan kuota," tegas Fatin yang ingin menjadi inspirasi kepada laskarnita lain.





## LIMA '19 DILANCAR 600 SYARIKAT PERTAHANAN TEMPATAN DAN ANTARABANGSA BAKAL PAMER ASET

Oleh: PW I PRL Normahaily Mohd Nor  
Foto: Cawangan Komunikasi Strategik MkTL

**KUALA LUMPUR** – Pameran Maritim dan Aeroangkasa Antarabangsa Langkawi 2019 (LIMA'19) yang akan berlangsung pada 26 hingga 30 Mac tahun depan telah dilancar dengan rasminya oleh Menteri Pertahanan, YB Hj Mohamad Sabu di Dewan Perka, Wisma Perwira di sini 4 September 2018 lalu.

Seperti penganjuran sebelumnya, tumpuan pengunjung LIMA '19 akan berpusat di dua lokasi berbeza iaitu di Resort World Langkawi bagi pameran maritim dan Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri bagi pameran aerospace. Pameran edisi ke-15 ini akan mempertontonkan aset dan teknologi terkini serta menyasarkan 60 peratus penyertaan dari sektor pertahanan dan 40 peratus sektor komersil selain bakal menarik sebanyak 600 syarikat pempamer tempatan dan antarabangsa. Bagi segmen maritim, dijangka sebanyak 10 kapal tentera laut asing terlibat dan TLDM sendiri akan menghantar asetnya dalam jumlah yang maksimum.

Pameran pertahanan dwi tahunan ini dilihat bukan sahaja dapat mengukur sejauh mana pembangunan sistem ketenteraan negara termasuk keperluan pertahanan ruang angkasa serta maritim bahkan turut memberi pendedahan kepada pengunjung serta pasukan terbabit berkaitan evolusi industri perkapalan, pesawat dan peralatan ketenteraan supaya tidak ketinggalan dari segi teknologi terkini yang dibangunkan.

Lima'17 lalu telah berjaya menarik sebanyak 555 pempamer dan 371 delegasi dari 49 negara serta turut menarik kehadiran 40,000 pelawat perniagaan dan 200,000 pengunjung awam.



## EAST ASIAN INTERNATIONAL RELATIONS (EAIR) FORUM KOLABORATIF ULUNG PUSMAS TLDM & UKM

Oleh: Kdr Mohd Zulkarnain bin Mohd Rawi TLDM  
Foto: BK Azamie bin Ab Rahim

**KUALA LUMPUR** - Forum *East Asian International Relations* (EAIR) telah dilaksanakan di Wisma Perwira ATM pada 15 Ogos 2018. Ia merupakan program julung kalinya dianjurkan secara bersama antara PUSMAS TLDM dan UKM.

Forum ini membincangkan topik bertajuk 'Analysing China's Influence in The Developing Asia' yang disampaikan oleh Prof Dr Evelyn Goh daripada Australian National University.

Sambutan penyertaan amat memberangsangkan dengan kehadiran seramai 140 peserta termasuk Timbalan Menteri Pertahanan serta pegawai kanan tentera dan awam, ahli akademik serta penyelidik.

Ketokohan Prof Dr Evelyn dan topik yang diwacanakan dilihat sebagai *crowd puller* penyertaan forum kali ini.

Forum ini sangat berfaedah bukan sahaja kepada PUSMAS TLDM dan UKM malah para ahli akademik, penyelidik dan pengamal di Malaysia untuk berinteraksi bersama para cendekiawan dan pakar tersohor dalam bidang Hubungan Antarabangsa dan Pengajian Asia Timur. Ia juga membantu warga ATM untuk meluaskan jaringan hubungan dengan badan akademik dan juga profesional.

Secara keseluruhan, forum ini menjadi titik permulaan yang baik untuk Jabatan Strategi Maritim, PUSMAS TLDM untuk berkenalan, berinteraksi dan bertukar maklumat serta pandangan bersama para cendekiawan berkaitan isu maritim tempatan dan serantau. Lebih banyak program seperti ini akan diadakan pada masa akan datang.



# HARI KEBANGSAAN 2018

## TLDM PAMER 14 ASET

Oleh: BM TLR Mohamad Asri Md Zlan  
Foto: Cawangan Komunikasi Strategik

**PUTRAJAYA** - Pada sambutan Hari Kebangsaan 2018 yang berlangsung meriah di Dataran Putrajaya 31 Ogos lalu, TLDM turut memukau perhatian kira-kira 300,000 pengunjung dengan penyertaan tiga kontinjen, terdiri daripada 520 pegawai dan anggota lain-lain pangkat termasuk dari Pasukan Simpanan Sukarela (PSS) TLDM dan Pasukan Khas Laut (PASKAL).

Segak bergaya melintasi pentas utama, kontinjen TLDM dengan uniform loreng digital turut mengalunkan lagu 'Sedia berkorban' sambil melangkah penuh bersemangat diiringi pancaragam gabungan pasukan beruniform melibatkan 524 anggota daripada Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Angkatan Pertahanan Awam, Jabatan Penjara, Jabatan Imigresen dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur serta Jabatan Sukarelawan Malaysia.

Dalam pada itu, TLDM turut mempamerkan 14 asetnya yang tidak kurang hebat seperti *Misil Exocet MM 40*, *Vertical Launch Seawolf (VLSW)*, *Misil Exocet SM 39*, *Misil Otomat*, *Lightweight Torpedo A244/S Mod 1A* dan *Seamine Mr80*, masing-masing daripada Depot Peluru dan Letupan TLDM. Markas Selam dan Peperangan Periuq Api TLDM turut mempertontonkan aset seperti *Portable Chamber*, *Mine Disposal Vehicle (MDV)* Olister selain memperagakan peralatan selam.

Lebih mengujakan, pasukan elit TLDM, PASKAL yang sentiasa menarik tumpuan umum mendapat sorakan dan tepukan gemuruh apabila muncul bersama *Rigid Hull Inflatable Boat - Navy Digital Camo* dan *Rigid Hull Inflatable Boat - Black* serta dua buah Trak Hicom Handalan.

Helikopter Fennec dan Super Lynx dari Markas Udara TLDM turut memeriahkan hari bersejarah ini menghiasi ruang udara Putrajaya dengan penerbangan lintas hormat bersama-sama aset udara cabang khidmat ATM lainnya.



Antara aset yang dipamerkan

# WARGA ATM PERLU MATANG, ELAK TERPENGARUH INFORMASI TULAR

Oleh: PW I PRL Normahaily Mohd Nor  
Foto: Cawangan Komunikasi Strategik

**KUALA LUMPUR** – Warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM) diingatkan supaya sentiasa matang dan bijak mengadaptasi zaman teknologi kini serta tidak mudah terpengaruh dengan informasi yang tular tanpa mengetahui kesahihannya.

"Warga ATM perlu bijak menilai dan tidak terpedaya dengan budaya palsu dan fitnah. Kita bukan sekadar perlu mengikuti peredaran ini malah seharusnya mendapak dan mendahului perubahan, khususnya dalam penggunaan teknologi serta mengendalikannya secara bijaksana," tegas Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Panglima Hj Zulkifli Hj Zainal Abidin ketika berucap menyampaikan perutusan sempena perbarisan Hari ATM ke-85 di Pangkalan Udara Subang di sini, 1 Oktober lalu.

Dengan tema 'ATM Teras Kedaulatan Negara', perbarisan berkonsepkan 'Tempur Ketenteraan' ini melibatkan 45 pegawai dan 1,163 anggota lain-lain pangkat, terdiri daripada 10 kontinjen gabungan elemen ketiga-tiga perkhidmatan darat, laut dan udara termasuk kontinjen wanita.

Dalam majlis sama, Panglima Angkatan Tentera turut menyampaikan Pingat Kedaulatan Negara (PKN), Anugerah Kumpulan Kreatif dan Inovatif ATM 2017, Penganugerahan Sijil Kepujian Angkatan Tentera dan Anugerah Kesiapsagaan Panglima Angkatan Tentera.

Perbarisan turut diserikan dengan peragaan sebahagian aset ATM iaitu Pesawat Airbus A-400 M, C-130 Hercules, CN-235, Beechcraft B200 T, Helikopter Black Hawk, AS-61 N1, Kereta Kebal Pendekar, Kereta Perisai Adnan, 8X8 Gempita, Meriam 155MM G5, Kenderaan Lipan Bara, Condor, Vamtac Iglu dan Vamtac AGL selain lintas hormat udara oleh sembilan pesawat dari ketiga-tiga cabang perkhidmatan.



Pegawai Memerintah KD SRI SEMPORNA menerima Anugerah Kesiapsagaan PAT 2018

# Rakyat Malaysia jadi hamba telefon pintar

KETAGIHAN terhadap telefon pintar yang kini menjadi kegilaan ramai rakyat Malaysia sudah boleh dikategorikan sebagai penyakit mental.

Antara tanda-tanda ketagihan jenis baharu tersebut ialah seseorang individu tidak lagi menghiraukan persekitaran kerana taksu melihat gajet itu sepanjang masa



A. KADIR JASIN



DR. MUHAMMAD MUHSIN

berkata, walaupun ketagihan gajet tidak melibatkan komponen kimia seperti ketagihan dadah atau alkohol, kajian di China, Korea Selatan dan Jepun menunjukkan ia telah memberi kesan negatif kepada penduduk di negara terbabit. Tokoh Wartawan Negara 2011, Datuk A. Kadir Jasin pula dalam satu diskusi menyifatkan sesetengah rakyat

## Menghukum bersandarkan maklumat tular

Senario hari ini menyaksikan masyarakat begitu kalut berfitnah, maklumat palsu, berprasangka buruk, pernyataan beremosi sehingga wujud salah faham yang membawa kepada caci, kutuk, menuduh malah membuat kesimpulan dan menghukum seseorang dengan bersandarkan maklumat yang diviralkan di media-media sosial.

Tidak dinafikan, medium seperti *WhatsApp*, *Instagram*, *Twitter*, *Facebook*, *WeChat* dan pelbagai aplikasi lain lagi, banyak mendatangkan kebaikan walaupun dalam masa sama meninggalkan kesan negatif. Segelintir pihak menjadikan aplikasi talian ini sebagai punca pendapatan sehingga sanggup berhenti kerja meninggalkan gaji besar. Ada juga kelompok yang menggunakan platform ini sebagai medan menyeru ke arah kebaikan.

Dalam ada baik terpalit juga buruknya, begitulah adat dunia. Teknologi itu diciptakan untuk memudahkan urusan kehidupan, namun ada pula pihak yang menyalahgunakannya. Kita sedia maklum, teknologi berubah dari semasa ke semasa dan ia sentiasa ditambah baik sehingga tanpa menekan apa-apa butang pun, alatan canggih boleh berbunyi dan berfungsi. Hari ini, kecanggihan teknologi dan individu yang menggunakannya benar-benar mengubah prinsip hukum dan adab dalam menyebarkan maklumat menurut kaca mata Islam.

## Berniat jahat

Pendakwah, Prof Madya Mohd Nor Mamat, berkata terdapat beberapa golongan yang mencetuskan terjadinya fitnah alam siber ini antaranya mereka yang sememangnya berniat jahat, memfitnah orang, memburuk-buruk atau menjatuhkan nama baik orang lain. Golongan ini seharusnya dijatuhkan hukuman berat sebagai pemfitnah. Malah orang yang disabitkan kesalahannya dalam hal ini tidak layak untuk dipercayai kata-katanya, tidak boleh menjadi saksi dan mereka boleh dihukum sebagai fasik.

“Golongan ini tidak berwaspada dengan risiko silap faham dan kemungkinan dipergunakan bagi tujuan tidak baik. Mereka bukanlah berniat untuk menyebarkan fitnah, tetapi kurang sedar dengan tipu helah siber yang memungkinkan seribu satu penyalahgunaan.

# FITNAH SIBER!

Syahidatul Akmal Dunia – Sinar

“Kadangkala mereka ini adalah *keyboard warrior* yang sukakan perhatian. Saya fikir ramai golongan begini dalam masyarakat kita, kerana itu pendidikan mengenai etika Islam di alam siber perlu dipertingkatkan. Undang-undang yang sedia ada juga perlu diperketatkan,” katanya.

## Golongan jahil

Menurutnya, golongan jahil dan menyebarkan maklumat yang dirasakannya baik dengan tujuan memberi manfaat kepada orang lain tanpa menilai terlebih dahulu kesahihan.

Andai kita termasuk dalam golongan sebegini, cepat-cepatlah ingat hadis Nabi Muhammad SAW yang bermaksud berdiam diri itu lebih berpahala berbanding menyebarkan berita atau ilmu yang langsung tidak diketahui kebenarannya.

Kelompok yang menjadi mangsa kepada permainan fitnah oleh golongan berkenaan seharusnya dibantu dan dibimbing agar lebih berhati-hati dengan risiko interaksi atau komunikasi di alam siber.

## Budaya berbalas maki hamun

Ustaz Mohd Nor berkata, golongan ini wujud dalam kalangan orang yang ‘baik-baik’ - bertindak reflektif kepada persekitaran negatif dan akhirnya bertindak secara negatif. Jangan pula sampai mengambil tindakan sendiri untuk mempertahankan diri dengan mencipta fitnah terhadap golongan lain. Situasi berkenaan lantas mewujudkan budaya berbalas maki hamun, dedahkan aib saudara seagama dan sebagainya. Akhirnya, suasana fitnah berterusan dan tiada kesudahan.

“Saya percaya, suasana ini timbul dan dimulakan oleh kelompok yang kecil. Pihak yang terlibat tidak perlu menuding jari kepada sesiapa.

“Sifirnya mudah, jika mahukan keadaan aman dan harmoni tanpa fitnah memfitnah kitalah yang perlu mulakan perubahan untuk menjadi baik,” katanya yang juga Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar) Akademi Pengajian Islam Kontemporari (Acis) Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam ini.



# FITNAH ALAM MAYA

// **FITNAH DIGITAL MEREBAK** menyasarkan individu berpengaruh, pemimpin negara, tokoh politik, tokoh agama, selebriti dan syarikat korporat

// **APLIKASI DAN LAMAN SOSIAL** seperti Facebook, WhatsApp, Telegram, Twitter, Instagram, WeChat dan Youtube memudahkan penyebaran fitnah serta hasutan

BERITA MUKA 6, 7

## Teliti maklumat

Beliau menambah, sudah ada undang-undang sivil dikenakan kepada pemfitnah siber ini. Namun, dalam konteks agama belum ada lagi undang-undang Islam yang membicarakan perihal ini secara khusus. Tetapi, Islam melihat penyebaran fitnah, penyampaian maklumat palsu ataupun tidak disahkan kepastiannya bersalahan di sisi ALLAH SWT.

Memang mudah menyebarkan maklumat palsu terutama dalam alam siber yang tidak mengenali antara satu sama lain, tetapi amaran ALLAH seharusnya menjadi bekal pendinding agar sentiasa beretika dengan-Nya.

Renunglah firman ALLAH SWT yang bermaksud: “(Ingatlah) ketika kamu menerima berita bohong itu dari mulut ke mulut dan kamu katakan dengan mulutmu apa yang tidak kamu ketahui sedikit pun, dan kamu menganggapnya suatu yang ringan saja. Padahal di sisi ALLAH adalah besar.” (Surah An-Nur: 15).

## Sumber sahih

Kita haruslah mementingkan sumber yang sahih dan mengelakkan daripada prejudis serta prasangka tanpa maklumat yang tepat. Hari ini, fitnah dan berita palsu banyak tersebar akibat sikap prasangka sebatu dalam budaya kita.

ALLAH mengingatkan kita mengenai ancaman azab-Nya terhadap orang yang banyak berprasangka dan menggunakan saluran maklumat untuk tujuan jahat atau propaganda bagi menjatuhkan orang lain. ALLAH SWT berfirman: “Hai orang yang beriman!

Jauhilah kebanyakan salah sangka (dugaan terhadap sesama Muslim) kerana sebahagian sangkaan itu adalah dosa dan janganlah kamu mencari-cari aib orang serta janganlah setengah kamu mengumpat yang lainnya. Sukakah salah seorang kamu bahawa dia memakan daging saudaranya yang telah mati (bangkai)? Maka tentu kamu benci memakannya,” (Surah Al-Hujurat: 12).

Ustaz Mohd Nor menambah, berdasarkan kepada perspektif al-Quran dan hadis serta pandangan ulama dalam bentuk aplikasinya, Al-Quran menggariskan tips berbicara ataupun menulis dalam komunikasi kita, hanya perkara yang baik-baik sahaja (Qaulan Ma'rufa) dan bukannya dipalsukan atau ditokok tambah (Qaulan Sadida), dengan cara yang baik dan positif (Qaulan Karima), bahasa yang mudah difahami dan tidak mengelirukan (Qaulan Maisura), lemah lembut (Qaulan Layyina) serta dengan jelas dan jangan disensasikan sehingga menimbulkan teka teki ataupun silap faham (Qaulan Baligha).

“Individu berkenaan perlu menerapkan sifat mulia Rasulullah SAW sama ada semasa bersemuka atau di alam maya. Kita hendaklah sentiasa bercakap benar, bertanggungjawab dengan apa yang diperkatakan, tidak menyembunyikan

sesuatu yang menjadikan orang salah faham dan berkomunikasi secara bijak dalam berdakwah dan bersosial. “Meskipun kita tidak popular dengan sensasi, tetapi inilah yang sebenarnya menjadi asas kepercayaan, penghormatan serta tarikan kepada dakwah yang kita sampaikan. Kata pujangga: Beribu kali kita bercakap kebenaran, orang mudah terlupa, tetapi sekali kita bercakap pembohongan, orang muda ingat sampai bila-bila,” katanya.

## Praktis beretika

Marilah kita memulakan praktis secara lebih beretika untuk mendapatkan maklumat dalam internet agar ia menjadi transaksi ilmu yang dikira sebagai ibadah. Antaranya:

Hendaklah kita biasakan diri dengan merujuk maklumat dan ilmu daripada laman web yang diyakini autoritinya sahaja, seperti pengenalan .edu, .gov atau sebagainya berbanding viral yang disebar secara bebas tanpa identiti yang diyakini.

Hendaklah kita menganggap diri seorang murid dengan adabnya yang betul ketika mendapatkan maklumat daripada internet, agar terhasil suasana barakah dan menghasilkan manfaat ilmu. Pilihlah guru yang dikenali dan diketahui kesahihannya sahaja.

Elakkan daripada mengunjungi sumber maklumat di alam siber yang berbentuk forum bebas, blog, Facebook atau laman hos bebas kecuali benar-benar kita mengenali autoriti penyediannya. Dalam konteks jaringan sosial di alam siber seperti menerusi Facebook, Twitter, WeChat, Aplikasi WhatsApp, chatting dan emel menuntut praktis secara lebih beradab untuk mencapai status ibadah berkomunikasi dan silaturahim yang memenuhi tuntutan hablun minannas.

**LAMAN MEDIA PUNCA PERPECAHAN KAUM?**

**Media sosial jadi medium semai kebencian**

**SAMUDERA** 49

# TLDM TUAI EMAS

## DI KARNIVAL SUKAN ANTARA PERKHIDMATAN 2018

Oleh: PW I PRL Normahaily Mohd Nor  
Foto: Cawangan Komunikasi Strategik

Penyandang Juara, TLDM seakan tidak mahu berganjak dari takhta apabila terus menuai emas di karnival Sukan Antara Perkhidmatan (ISG) 2018 yang berlangsung meriah di 11 lokasi sejak 9 April 2018 lalu.

Meskipun karnival masih berbaki 11 acara yang dijangka berakhir 8 Disember ini, namun TLDM tidak rela gelaran Johan yang disandang selama 10 tahun berturut-turut dirampas pihak lawan.

Sehingga 11 Oktober 2018, sebanyak 29 acara telah tamat daripada 40 acara yang dipertandingkan. TLDM mendahului pungutan pingat sebanyak 16 emas, 10 perak dan tiga gangsa meninggalkan Tentera Darat Malaysia di tempat ke-2 dengan kutipan sembilan emas, 12 perak dan lapan gangsa. Tentera Udara Diraja Malaysia di tempat ke-3 dengan empat emas, tujuh perak dan 18 gangsa.

Berdasarkan rekod pencapaian ISG 2017, acara sukan yang belum dipertandingkan dan berpotensi untuk menyumbang kejuaraan adalah memanah, lumba basikal, bola tampar wanita dan golf. Meskipun perlu menasaskan empat kemenangan lagi untuk meraih juara keseluruhan bagi Misi Gemilang Ke-11, namun melihat pencapaian yang amat memberangsangkan pada kejohanan terdahulu, sukar menidakkan kemampuan Pasukan TLDM untuk memperoleh kemenangan lebih berganda.



### PINGAT EMAS SEMASA

- Lawn Bowl
- Tenis
- Bola Jaring
- Skuasy (L)
- Skuasy (W)
- Futsal (W)
- Tenpin Bowling (L)
- Tenpin Bowling (W)
- Menembak (L)
- Menembak (W)
- Bola Keranjang
- Kriket (W)
- Petanque
- Olahraga (L)
- Olahraga (W)
- Indoor Hockey (W)



### ACARA BERBAKI

- Memanah
- Bola tampar lelaki
- Bola tampar wanita
- Badminton
- Golf
- Lumba basikal
- Bina Badan
- Tinju
- Ragbi 7 sebelah
- Ragbi 15 sebelah
- Sukan lasak

## KEDUDUKAN PINGAT

\*Sehingga 11 Oktober 2018

SUKAN ANTARA PERKHIDMATAN 2018

Perkhidmatan				Jumlah
Tentera Laut Diraja Malaysia	16	10	3	29
Tentera Darat Malaysia	9	12	8	29
Tentera Udara Diraja Malaysia	4	7	18	29



# BK FAIZAL

## KOMITED DALAM KERJAYA, CEMERLANG DI LAPANGAN

Oleh: BM TLR Suhairi bin Hj Mohamed Ali

Setiap ahli sukan yang mewakili TLDM bukan hanya bertanding untuk dirinya, bahkan membawa reputasi perkhidmatan untuk menempah nama ke peringkat lebih tinggi. Demikian pendirian jaguh decatlon TLDM, Bintang Kanan Teknisyen Elektrik (Senjata) (TLS) Faizal Mustapha yang sudah memahat namanya di puncak kegemilangan.

Di awal penglibatan, anak kelahiran Kota Bharu, Kelantan ini mula berjinak-jinak dengan acara lompat kijang. Agak membanggakan, percubaan sulungnya pada Kejohanan Mini Olimpik TLDM tahun 2004 membuahkan hasil amat cemerlang sekali gus berjaya melangkaui rekod atlet ATM yang terlarak selama lapan tahun sehingga menarik minat Persatuan Olahraga TLDM 'menyunting' beliau untuk mengikuti beberapa siri latihan intensif kelolaan persatuan tersebut sebagai persediaan menghadapi kejohanan yang lebih berskala besar.

Menurut Faizal, beliau lebih meminati sukan olahraga kerana acara tersebut memerlukan daya usaha secara individu untuk menang berbanding berpasukan. Bola sepak contohnya, ditentukan oleh komitmen secara total oleh setiap pemain dan pengurusan.

"Kalau atlet individu itu berdisiplin dan gigih berusaha, dia akan mencapai kejayaan yang cemerlang, bergantung pada diri sendiri.

"Berbeza acara berpasukan, sekalipun ada 'jaguh' yang hebat dan menonjol dalam pasukan itu, tetapi prestasi pemain lain hambar dan kurang bekerjasama, pasukan itu mungkin sukar untuk menang," jelas Faizal yang kini telah mendapat pengiktirafan sebagai jurulatih.

Faizal yang dinobatkan sebagai Olahragawan TLDM bagi tahun 2012 dan 2013, pernah mewakili Malaysia di temasya



Sukan Asia Tenggara ke-24 di Thailand. Nama beliau terus kekal di podium teratas apabila diumumkan pemenang pingat emas bagi Kejohanan Circuit Thailand Open 2013, Kejohanan Olahraga Terbuka Malaysia 2006, 2007, 2009, 2010, dan 2012 hingga 2014.

Memikul tanggungjawab sebagai Ketua Seksyen Elektrik Persenjataan (WE), di KD MAHAWANGSA, Faizal juga tidak menang tangan. Namun, beliau bijak membahagikan masa untuk tugas hakiki dan sukan kerana kedua-dua baginya sama penting.

"Saya tidak rasa tersepit dengan jadual latihan dan tugas di kapal kerana saya membahagikan masa sama rata dan kedua-duanya saya fokus.

"Masa kerja, saya kerja betul-betul, begitu juga semasa latihan saya akan tumpukan sepenuh perhatian tanpa mencampur-aduk perkara lain.

"Tambahan pula saya sentiasa mendapat sokongan dan dorongan daripada Pegawai Memerintah serta pegawai-pegawai kapal. Itu sudah cukup menyemarakkan semangat saya untuk memberikan komitmen tinggi kepada kedua-dua tugas yang diamanahkan ini," ujar beliau lagi sambil memerhati beberapa atlet olahraga di bawah seliaan beliau membuat pemanasan badan di atas track.

Melihat prestasi terpuji dan kecemerlangan yang ditonjolkan, tidak hairanlah beliau dianugerahkan Bintang Terbaik TLDM bagi tahun 2017 dan ini jarang-jarang berlaku.

Kejayaan beliau sewajarnya dicontohi para atlet TLDM kerana ia bukan sahaja menjamin masa depan yang gemilang dalam kerjaya, malah mampu membarisi senarai atlet tersohor negara.



**K**ehidupan warga TLDM yang berkhidmat di kapal boleh disimpulkan dengan satu perkataan; rutin. Dari rutin pertukaran awasan, rutin latihan sehinggalah ke rutin istiadat harian, perkara ini menjadi lumrah bagi setiap warga kapal TLDM dalam melaksanakan tugas. Walaupun begitu, terdapat satu perkara yang berubah setiap hari dan merupakan waktu yang ditunggu-tunggu oleh semua; waktu makan dengan menu masakan yang berbeza.

Sajian yang enak dan berkhasiat terbukti mampu menaikkan moral anggota. Tambahan pula semasa keadaan laut yang bergelora dan cuaca buruk sering membuatkan warga kapal tidak lalu makan.

“Sebagai anggota berkepakaran Bendari (BDI), adalah menjadi tanggungjawab saya memastikan warga kapal mendapat makanan yang berkhasiat untuk melakukan kerja harian,” ujar LK I BDI Hei Khair Wahab, staf Bendari Kapal. “Namun begitu, ia agak mencabar kerana perlu sentiasa memikirkan menu yang berbeza bagi memenuhi cita rasa warga kapal,” tambahnya lagi.

Justeru, KD YU telah menganjurkan ‘YU Cook-Off Challenge 2018’ bagi mencungkil bakat-bakat baharu dalam masakan di kalangan warga kapal. Keputusannya, LK PAP Ahmad Hazizul Ismail yang merupakan salah seorang staf persenjataan kapal telah memenangi pertandingan tersebut dengan air tangan beliau iaitu Murtabak Cheese YU.

Menu ini pada mulanya bertujuan dijadikan menu sampingan untuk supper namun kerana rasanya yang sedap dan amat digemari warga kapal, menu ini telah dijadikan signature dish kapal. Menu ini akan dihidangkan ketika menerima kunjungan tetamu istimewa dan tidak asing lagi bagi warga KD YU.

Penyediaan murtabak ini memerlukan kesabaran dan sedikit masa namun dengan kerjasama warga kapal, ia menjadi mudah dan tidak mustahil untuk disediakan. Penyediaan murtabak serta inti dilakukan oleh LK PAP Hazizul sendiri dan dibantu oleh LK I PWP Hafiz Azhan manakala kuah leleh dan keju disediakan oleh staf Bendari kapal.

Apa yang menarik mengenai murtabak ini adalah ianya tidak berminyak, mempunyai kulit luar yang crispy, keju yang dibuat secara in-house dan inti yang padat. Campuran bahan-bahan ini mampu membangkitkan aroma yang sukar diungkap dengan kata-kata di samping simfoni rasa dengan kepelbagaian tekstur dan penggunaan bahan-bahan bermutu.



## Signature Dish MURTABAK CHEESE YU

Oleh: Lt Kdr Zayyani bin Mohd Fauzi TLDM

Foto: Lt Wan Mohd Saiful Adli bin Wan Ahmad TLDM

Berikut merupakan resipi yang dikongsi khas untuk menghasilkan Murtabak Cheese YU:

### Bahan-bahan Murtabak

1 kg tepung gandum  
500ml air  
2 biji telur  
2 sudu besar susu pekat krim  
Garam  
Gula  
Marjerin

### Penyediaan

Campurkan semua bahan. Gaul sehingga sebati dan menjadi doh. Biarkan doh selama 2 jam. Setelah 2 jam, doh berkenaan dibuat bebola. Bebola yang terhasil disapu marjerin. Biarkan selama 5 jam.

### Inti

Isi ayam dipotong dadu  
Kentang dipotong dadu  
Cili kering kisar  
Serbuk kari daging  
Bawang besar  
Lobak merah dipotong dadu  
Garam  
Gula

### Penyediaan

Panaskan minyak dan tumiskan bahan kisar. Masukkan serbuk kari daging (setelah naik bau). Tunggu sehingga pecah minyak. Setelah pecah minyak, masukkan isi ayam dan kentang yang dipotong dadu. Tumiskan bahan tadi sehingga masak. Masukkan cili kering kisar. Garam dan gula secukup rasa. Asingkan kuah kari dan campurkan bawang yang dipotong dadu untuk dibalut bersama tepung.

### Kuah Leleh

Bawang  
Cuka  
Pewarna Merah  
Gula

### Penyediaan

Hiris bawang besar (dipotong mayang). Campurkan pewarna merah, cuka dan gula. Gaul sehingga sebati. Simpan dalam peti sejuk selama 30 minit. Siap dihidang.

### Keju in-house

Susu segar  
Cuka  
Garam

### Penyediaan

Panaskan periuk dan masak susu segar sehingga mendidih dengan api perlahan. Masukkan cuka 4 sudu besar dan secubit garam. Kacau bahan tadi sehingga rata dan terhasil ketulan susu. Tapis ketulan susu guna kain untuk asingkan keju. Kisar keju tanpa air untuk menjadikan krim. Biarkan dalam peti sejuk dan siap diguna sebilang masa.

# PERTANDINGAN

# Fotografi

## TEMA

\*pemandangan Matahari terbenam

**HADIAH  
PERTAMA - RM 200**

**KEDUA - RM 150**

**KETIGA - RM 100**

### SYARAT-SYARAT PENYERTAAN:

1. Terbuka kepada semua pembaca majalah Samudera kecuali sidang redaksi dan warga serta ahli keluarga terdekat.
2. Gambar penyertaan mestilah menarik dan beresolusi tinggi tidak kurang dari 3mb. Nyatakan tarikh/bulan/tahun (sekiranya ada). Gambar yang terpilih tidak akan dikembalikan (kecuali mereka yang menyertakan sampul surat beralamat sendiri dan setem).
3. Nama pemenang bersama gambar terpilih akan disiarkan dalam majalah Samudera edisi akan datang.
4. Sidang redaksi berhak menyimpan salinan, mencetak, menerbit dan apa sahaja untuk tujuan promosi.
5. Keputusan panel hakim adalah muktamad.

### BORANG PENYERTAAN

Nama: \_\_\_\_\_

No. KP/No. Ten: \_\_\_\_\_

Alamat: \_\_\_\_\_

No. Tel/Bimbit: \_\_\_\_\_

Jumlah Gambar: \_\_\_\_\_

Peristiwa

1. \_\_\_\_\_

2. \_\_\_\_\_

3. \_\_\_\_\_

Tandatangan: \_\_\_\_\_

*Salinan borang penyertaan adalah dibenarkan*

# CARI PERKATAAN TERSEMBUNYI

Q	W	E	E	S	S	C	O	M	O	P	A	S	D	S	G	H
H	J	K	L	Z	X	C	V	B	R	N	M	Q	W	A	R	Q
T	Y	U	D	O	P	V	E	T	E	R	A	N	J	R	L	W
Z	X	C	V	K	B	N	M	Q	W	E	V	R	T	A	U	E
I	O	P	A	S	A	D	F	G	H	J	K	R	L	W	X	R
C	V	B	N	M	Q	S	W	E	S	T	Y	U	I	A	P	T
A	S	D	F	G	H	J	T	K	L	A	X	C	V	K	A	R
N	M	Q	W	E	R	T	Y	U	U	I	N	P	A	S	S	E
P	O	R	T	U	G	I	S	J	R	Y	G	O	B	B	D	B
S	A	C	V	B	M	Q	Q	R	T	I	K	K	R	L	D	M
A	A	A	S	S	N	V	R	D	G	B	N	M	B	T	F	E
R	G	V	Q	Q	R	T	Y	I	K	L	S	S	F	Q	E	T
A	W	P	Z	Y	U	R	R	G	H	J	K	L	M	N	K	P
I	R	F	K	D	H	A	N	G	N	A	D	I	M	B	K	E
T	T	L	X	P	Y	R	T	E	W	Q	Z	X	C	V	L	S
U	U	K	C	P	U	I	O	P	Q	W	E	R	T	Y	U	P
M	O	Y	V	H	F	H	J	Z	L	E	W	N	A	M	O	K
D	P	T	I	H	G	H	K	L	C	X	B	N	L	S	O	C
K	T	A	L	E	L	A	J	A	R	A	H	A	M	A	P	X
L	M	L	A	S	F	L	Z	W	E	R	T	Y	U	U	I	V

- Sejarah awal TLDM bermula apabila pihak British telah menubuhkan *The Straits Settlement Naval Volunteer Reserve* atau \_\_\_\_\_ pada tahun 1934.
- Kapal pertama yang menggunakan akronim KD ialah \_\_\_\_\_.
- Orang yang banyak pengalaman.
- Salah satu Kapal Kelas Korvet 22.
- Kapal Tempur Pesisir (LCS) terancang pertama milik Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dinamakan kapal \_\_\_\_\_.
- 134 nombor Pennant bagi kapal \_\_\_\_\_.
- Sabah dan Sarawak menyertai Malaysia pada tahun 1963 bulan \_\_\_\_\_.
- \_\_\_\_\_ adalah Penjajah Barat yang pertama datang ke Semenanjung Tanah Melayu.
- Negara \_\_\_\_\_ adalah Negara Merdeka yang pernah berada di bawah jajahan British.
- \_\_\_\_\_ adalah syarikat cari gali minyak dan gas di Malaysia.
- Negeri terbesar di Malaysia.
- \_\_\_\_\_ merupakan Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah.

20. LEKAS  
18. KMO  
15. HAMZAH  
12. SEPTEMBER  
10. RAKAM  
8. TEKNOLOGI  
7. PTL  
6. TN60D  
5. SCORPENE  
4. HEAD  
3. ADHELPS  
MELINTANG

MENEGAK  
1. GAGAH SAMUDERA  
2. REPULE  
9. TANGKAS  
11. SINGAPURA  
13. MAPEN  
14. PERODUA  
16. PERAK  
17. KD KEDAH  
19. MCMV

# ABSENT..

# CUIT-CUIT

SUATU PETANG YANG SUAM-SUAM KUKU ..

KAU SAKIT KE? ...

AKU TENGAH TENSION NI ...

...APESAL?..

BALIK-BALIK TENGAH MUKA KAU ..

PULAK TU.. PUSING - PUSING ..  
TEMPAT NI JUGAK AKU PERGI ..

...HABIS TU?..

AKU NAK PERGI TEMPAT  
LAIN YANG LAGI BEST !...  
PADAN MUKA KAU TAKDE  
KAWAN! ...

**HAA.. HAA.. HAA!**



MORAL : JANGAN ABSENT .. - Aboy RMNSPC-



# TEMBAK

Kisah ni terjadi di sebuah kem tentera. Sepasukan penembak tepat sedang berlatih di lapang sasaran. Salahseorang dari ahli pasukan tersebut, ada la sorang penembak yang paling lemah. Dari 10 tembakan yang dibuat, sekali pun tak kena sasaran.

“Satu pun tak kena??? Argghhh!!! tension aku, apa nak jadi dengan kau ni???” Sergah Kapten pasukan.

“Sorry tuann!!! tersasar tuan!!!” balas penembak tu.


“Takpe... takpe... saya akan dekatkan sikit sasaran tu ke jarak 5 meter, kalau tak kena jugak, dipersilakanlah untuk beramboss!!”

Tapi yg sedih, sama jugak keputusannya, habuk pun tak kena, dengan muka selamba, penembak tu pun meminta maaf  
“Sorry tuann!!!! Tersasar lagi tuan!!!”

Kapten yang dah hot tahap maggi hot cup tu pun menyergah.

“Kalau macam ni baik kau pergi mampuss!!!. Pergi belakang berek tu dan bedil kepala kau sekarang jugakkk!!”

Kerana patuh dengan arahan, penembak tersebut pun pergi ke belakang berek. Kemudian terdengar bunyi tembakan dilepaskan. Seketika kemudian penembak tadi pun keluar lalu menuju ke arah tuannya.  
“Sorry tuannn!!!! Tersasar lagi tuannn!!!!”



# PROFESOR MUDA



Seorang profesor muda sedang membuka pintu kereta BMWnya, tiba-tiba sebuah kereta dengan laju melanggar pintu kereta itu hingga tercabut. Profesor muda itu memaki hamun kereta yang laju itu dan meratapi kereta mewahnya yang rosak tanpa pintu.

“Tuan, lihat apa yang dilakukan orang gila tadi terhadap kereta saya!” katanya histeria kepada polis yang tiba di tempat kejadian.

“Kamu orang-orang kaya ni benar-benar materialistik, kamu semua membuatkan aku muak!, kamu begitu bimbang pada BMW kamu, kamu tak sedar ke tangan kamu juga dah hilang sebelah?!” kata polis.

“Ya Tuhannnnnnn!!!!!!” teriak Profesor Muda ketika dia melihat lengannya sudah tidak ada lagi.

“Mana jam Rolex aku?!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!”

# ANAK DAN BAPAK

Jamil pulang dari sekolah dan bercerita pada bapanya yang tidak pernah bersekolah.



**Jamil:** Ayah, tadi saya dimarah oleh cikgu!

**Ayah:** Kamu buat silap apa, Jamil?

**Jamil:** Tadi saya tidak dapat menjawab pertanyaan cikgu.

**Ayah:** Apa yang cikgu tanya?

**Jamil:** Cikgu tanya, di mana letaknya Washington.

**Ayah:** Itupun kamu boleh tak tahu! Lain kali kalau kamu sudah meletakkan sesuatu benda, jangan lupa di mana tempatnya!

# MINTA CUTI

Zul Kapan yang bekerja di sebuah kilang sebagai pengawal keselamatan berjumpa dengan manager minta cuti.

“Tuan saya mahu minta cuti seminggu balik kampung, ada urusan keluarga Bolehkah?”

**Manager :** “Cuti seminggu, oklah, saya bagi cuti seminggu”

Selepas 14 hari, baru Zul Kapan balik bertugas.

**Manager:** “Kenapa dua minggu cuti?”

**Zul Kapan:** “Saya minta seminggu cuti, tuan bagi seminggu cuti. Jadi dua minggulah...”





## Surat Pembaca

### PASKAL

Saya amat meminati Pasukan Khas Laut TLDM. Bolehkah Sidang Redaksi paparkan corak latihan yang dijalani anggota elit TLDM ini?

Bob, UPM Serdang

### Kerjaya Wanita di Kapal

Mohon paparkan kerjaya pegawai atau laskarnita yang berkhidmat di kapal.

Ingin Tahu, Kemaman.

### Kehidupan Mantan Panglima Tentera Laut

Bagaimana agaknya kehidupan mantan Panglima Tentera Laut selepas bersara?

Jamal, Kuantan

### SEGAK

Perbarisan Hari Pahlawan sangat menarik dan yang paling segar dan kemas adalah dari TLDM. Tahniah.

Rina, Kuala Lumpur

### Terima Kasih

Terima kasih kepada Sidang Redaksi Majalah Samudera kerana menerima idea saya untuk mengadakan kuiz dalam Majalah Samudera.

Asri, Navy People

### Ingin Tahu

Pada zaman yang serba canggih dan moden ini, apakah bentuk ancaman anasir luar yang dihadapi oleh TLDM? Amat berharap pihak majalah dapat kongsi bersama pembaca

Gopal, Kuantan

### Ucapan

Selamat Hari ATM ke-85. Terima kasih yang tidak terhingga kepada semua anggota ATM atas khidmat yang telah dicurahkan dalam menjaga keselamatan negara yang tercinta ini. SALUTE!

Zaid, Manjung

Kami mengalu-ngalukan sebarang komen atau cadangan untuk menambah baik penerbitan majalah ini. Semua cadangan yang sesuai akan diambil tindakan pada keluaran datang. Surat terbaik yang dipilih akan menerima hadiah misteri sebagai tanda penghargaan atas sokongan anda. Sila hantarkan komen atau cadangan anda ke:

**Surat Pembaca**  
**Sidang Redaksi Majalah Samudera**  
**PUSMAS TLDM (RMN Sea Power Centre)**  
**Jalan Sultan Yahya Petra**  
**541000 Kuala Lumpur**

# LTAT-PPA1M PAHLAWAN - TAMAN LTAT -



**\*TAWARAN KHAS  
ANGGOTA ATM,  
VETERAN ATM  
SERTA  
KELUARGA !**

**RM199,750  
850 KPS**

**4 BLOK PANGSAPURI - 38 TINGKAT  
(TERMASUK 5 TINGKAT PARKIR)**

**3 BILIK TIDUR, 2 BILIK AIR**

**2,000 UNIT**

## LOKASI



**JALAN BUKIT JALIL INDAH 4, TAMAN LTAT,  
BUKIT JALIL, KUALA LUMPUR**

- PENGECUALIAN YURAN GUAMAN SPA
- 1 UNIT PEMANAS AIR TERPASANG
- \*100% PINJAMAN BANK BAGI PEMOHON YANG LAYAK

PEMILIK



LEMBAGA TABUNG ANGGATAN TENTERA

PEMAJU



PERBADANAN PERWIRA HARTA MALAYSIA

HUBUNGI KAMI:

Perbadanan Perwira Harta Malaysia  
Tingkat 9, Bangunan LTAT  
Jalan Bukit Bintang  
55100 Kuala Lumpur  
Wilayah Persekutuan

T : 03-2142 6122

F : 03-2141 0832

E : [pemasaranpphm@gmail.com](mailto:pemasaranpphm@gmail.com)

W : [www.pphm.com.my](http://www.pphm.com.my)

Whatsapp : 010-3179759

TELEFON : 03-2142 6122

WHATSAPP SAHAJA : 010-3179759



# SYSTEM CONSULTANCY SERVICES SDN BHD

Your *Thinking* Company

System Consultancy Group of Companies:



**DK Composites Sdn Bhd**  
(448908-X)

Design and Fabrication of  
Advanced Composites materials  
for Architectural, Marine,  
Automotive and Aerospace Industries



**Digital Aura (M) Sdn Bhd**  
(308286-T)

Project Management Solutions



**IBS Technology Sdn Bhd**  
(394181-H)

Intelligent Building and  
Security Systems

Head Office:

**System Consultancy Services Sdn Bhd (219906-U)**  
No. 36 Jln Wangsa Delima 6 Pusat Bandar Wangsa Maju (KLSC) 53300 Kuala Lumpur  
Tel: +603 4149 1919 Fax: +603 4149 2121 Email: scshq@scs.my  
www.scs.my